7.	Pend. Islam	130	12	9.2	41	31.5	36	27.7	20	15.4	21	16.2	109	83.8	75.7
8.	K. H. (Pil. 1)	252	36	14.3	43	17.1	86	34.1	54	21.4	33	13.1	219	86.9	78.7
9.	Bahasa Cina	11	4	36.4	1	9.1	4	36.4	2	18.2	0	0.0	11	100	100
10.	Bahasa Tamil	9	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	11.1	8	88.9	1	11.1	100

3. PERATUS LULUS

a) Bilangan calon yang memperolehi SEKURANG-KURANGNYA 'D' dalam semua mata pelajaran yang diambil

111 (WL 001) + 32 (WL 002) = 143 atau **56.1 %**

b) Peratus Lulus PMR Tahun 2002 ialah 56.1 % (Peratus Lulus PMR Tahun 2001 ialah 52.65%)

SESI TEMURAMAH BERSAMA PELAJAR CEMERLANG PMR

CHOW PENG LUN (8A)

Pelajar (P) : Chow Peng Lun (8A)
Wartawan (W) : Achuthen & Vincent

W : Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara kerana sudi meluangkan masa untuk wawancara ini.
P : Sama-sama.
W : Terutama sekali, apa yang saudara lakukan untuk mencapai keputusan yang cemerlang ini?
P : Saya sentiasa cuba menghadirkan diri ke sekolah pada setiap hari walaupun kurang sihat. Manakala dari segi buku pula, saya lebih gemar menggunakan buku-buku teks sekolah daripada buku-buku rujukan kerana ianya berasaskan sukatan pelajaran seperti di sekolah.
W : Adakah saudara berasa susah mengulangkaji bagi matapelajaran sastera dan sejarah?
P : Ya, memang. Semasa mengulangkaji matapelajaran sejarah, saya tidak berapa faham konsep sejarah dan kronologi bab Tingkatan 3. Tetapi selepas menerima penerangan daripada guru sejarah, saya dapat skor A dalam matapelajaran sejarah.
W : Adakah diet pemakanan saudara mempengaruhi pembelajaran anda?
P : Tidak.
W : Siapakah yang mendarong anda mengecapi kejayaan ini?
P : Ibu bapa saya, Encik Choo (guru sains), dan kawan-kawan di kelas 3M1 (2002).
W : Apakah petua-petua saudara kepada rakan-rakan saudara di Sekolah Menengah (L) Methodist, Sentul?
P : Belajar dengan bersungguh-sungguh, buat ulangkaji di rumah, dan tumpukan perhatian semasa guru sedang mengajar.
W : Baiklah, terima kasih banyak-banyak. Kami berharap agar saudara akan terus mengecapi kejayaan di masa hadapan.
P : Sama-sama.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST SENTUL K. L.
ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 2002

BIL	MATA PEL.	CALON HADIR	1A		2A		3B		4B		5C		6C		7D		8E		LULUS		9G		BIL T.H.	GRED PURATA	% LULUS	%LULUS 2001	GR. PUR 2002
			BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%					
1.	B. Melayu	259	5	1.93	11	4.25	11	4.25	20	7.72	21	8.11	27	10.42	57	22.01	37	14.29	189	72.97	70	27.03	4	6.69	72.97	79.91	5.90
2.	B. Inggeris	258	4	1.55	9	3.49	9	3.49	13	5.04	16	6.20	19	7.36	55	21.23	42	16.28	167	64.73	91	35.27	5	7.11	64.73	69.67	6.61
3.	B. Ing (1119C)	258	0	0.00	1	0.39	2	0.78	1	0.39	4	1.55	5	1.94	14	5.43	24	9.30	51	19.77	207	80.23	5	8.59	19.77	24.54	8.34
4.	Sejarah	260	9	3.46	6	2.31	8	3.08	8	3.08	17	6.54	28	10.77	38	14.62	33	12.69	147	56.54	113	43.46	3	7.22	56.54	42.52	7.64
5.	Pend. Islam	111	1	0.90	1	0.90	14	12.61	15	13.51	22	19.82	15	13.51	6	5.41	8	7.21	82	73.87	29	26.13	1	6.05	73.87	68.37	6.04
6.	Pend. Moral	147	3	2.04	15	10.20	10	6.8	18	12.24	14	9.52	14	9.52	14	9.52	14	9.52	102	69.39	45	30.61	4	6.15	69.39	59.48	7.33
7.	Matematik	260	50	19.23	16	6.15	9	3.46	5	1.92	11	4.23	9	3.46	16	6.15	32	12.31	148	56.92	112	43.08	3	6.21	56.92	64.02	6.36
8.	Sains	163	2	1.23	6	3.68	4	2.45	5	3.07	12	7.36	18	11.04	27	16.65	40	24.54	114	69.94	49	30.06	5	7.14	69.94	61.19	7.49
9.	Fizik	95	7	7.37	5	8.26	4	4.21	9	9.47	8	8.42	7	7.37	27	28.42	18	18.95	85	89.47	10	10.53	0	6.00	89.47	76.25	6.75
10.	Kimia	77	5	6.49	5	6.49	2	2.6	6	7.79	5	6.49	7	9.09	17	22.08	16	20.78	63	81.82	14	18.18	0	6.30	81.82	66.25	6.95
11.	Biologi	32	3	9.38	3	9.38	4	12.5	2	6.25	8	25.00	4	12.50	4	12.50	4	12.50	32	100.0	0	0.00	0	4.78	100.0	96.8	6.94
12.	Mat. Tamb.	95	12	12.63	7	7.37	4	4.21	11	11.58	8	8.42	11	11.58	19	20.00	9	9.47	81	85.26	14	14.74	0	5.46	85.26	70.00	5.32
13.	Reka Cipta	28	7	25.	9	32.14	7	25.00	3	10.71	2	7.14	0	0.00	0	0.00	0	0.00	28	100.0	0	0.00	2	2.43	100.0	100.0	5.73
14.	Perdagangan	58	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	7	12.07	7	12.07	51	87.93	3	8.88	12.07	38.10	6.06
15.	Ekon. Asas	106	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	4	3.77	7	6.60	18	16.98	29	27.36	77	72.64	2	8.58	27.36	40.28	8.30
16.	Prinsip Akaun	90	2	2.22	6	6.67	4	4.44	4	4.44	7	7.78	8	8.89	7	7.78	14	15.56	52	57.78	38	42.22	0	6.98	57.78	62.50	9.19
17.	Pend. Seni	155	0	0.00	0	0.00	1	0.65	8	5.16	30	19.35	44	28.39	24	15.48	21	13.55	128	82.58	27	17.42	16	6.63	82.58	90.07	6.31
18.	Tas. Islam	52	3	5.77	5	9.62	6	11.54	12	23.08	10	19.23	7	0.00	2	3.85	0	0.00	45	86.54	7	13.46	0	4.77	86.54	100.0	3.50
19.	Bahasa Tamif	4	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	25.00	1	25.00	1	25.0	1	25.00	0	0.00	4	100.0	0	0.00	0	5.5	100.0	100.0	8.00
20.	Bahasa Cina	6	0	0.00	1	16.67	4	66.67	0	0.00	1	16.67	0	0.0	0	0.00	0	0.00	6	100.0	0	0.00	0	3.17	100.0	100.0	3.50
21.	Bible Knowledge	3	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.0	0	0.00	0	0.00	0	0.0	3	100.0	0	9.00	0.00	-	-

BILANGAN CALON YANG LULUS DENGAN MEMPEROLEHI PENCAPAIAN TERBAIK SEKURANG-KURANGNYA KEPUJIAN DALAM MANA-MANA:

	2002		2001	
	BIL	PERATUS	BIL	PERATUS
6 Mata Pelajaran dan ke atas	60	23.17	44	20.56
4 atau 5 Mata Pelajaran	47	18.15	29	13.55
2 atau 3 Mata Pelajaran	52	20.08	55	25.70
JUMLAH	159	61.40	128	59.81

PERATUS LULUS SPM 2002 : 72.97 %

PELAJAR-PELAJAR TERBAIK SPM 2002
SEK. MEN. LAKI-LAKI METHODIST SENTUL KUALA LUMPRU

NAMA PELAJAR	B.M.	B.I.	SEJ	MAT	ISLAM	MORAL	M. TAM	FIZIK	KIMIA	BIO	P AKAUN	B. CINA	R. CIPTA	P. SENI	TAS. ISL	BIL 'A'	BIL '1A'	BIL '2A'
GAVIN KOON KOK WAI	1A	1A	1A	1A	-	1A	1A	1A	1A	1A	-	-	-	-	-	9A	9	-
TEE TING LEONG	1A	2A	1A	1A	-	1A	1A	1A	1A	1A	-	-	-	-	-	9A	8	1
MOK GINN WEI	1A	1A	1A	1A	-	2A	1A	1A	2A	1A	-	-	-	-	-	9A	7	2
SHIM ZHOU HONG	3B	2A	2A	1A	-	1A	1A	1A	1A	2A	-	3B	-	-	-	8A	5	3
FOON KIN LEONG	2A	3B	1A	1A	-	2A	2A	2A	1A	3B	1A	-	-	-	-	8A	4	4
WONG JOE YEE	2A	1A	1A	1A	-	3B	1A	1A	2A	3B	-	-	-	-	-	7A	5	2
CHANG YONG YONG	4B	3B	2A	1A	-	2A	1A	1A	1A	-	1A	3B	-	-	-	7A	5	2
LAI JUN YEW	5C	5C	1A	1A	-	2A	1A	1A	2A	2A	-	-	-	-	-	7A	4	3
CHEAH SERN CHONG	2A	3B	1A	1A	-	3B	1A	2A	2A	2A	-	-	-	-	-	7A	3	4
TAN YIK HENG	3B	6C	1A	1A	-	2A	2A	2A	2A	4B	-	-	-	-	-	6A	2	4
NG WAI CHEE	4B	1A	2A	1A	-	3B	2A	2A	3B	3B	-	-	-	-	-	5A	2	3
TANG SIEW HON	2A	2A	1A	1A	-	2A	5C	4B	5C	6C	-	-	-	-	-	5A	2	3
PREM ANANTH A/L PALANIAPPAN	2A	2A	2A	1A	-	2A	3B	3B	4B	4B	-	-	-	3B	-	5A	1	4
HOH CHUN KIT	4B	4B	5C	1A	-	2A	4B	5C	-	-	2A	3B	1A	-	-	4A	2	2
CHOW WEE NAM	2A	4B	3B	1A	-	2A	4B	4B	5C	5C	-	2A	-	-	-	4A	1	3
DINISH MURUGIAH A/L KALIDAS	2A	4B	3B	1A	-	2A	2A	4B	3B	5C	-	-	-	-	-	4A	1	3
MOHD RAZMI BIN HAMZAH	2A	7D	3B	1A	2A	-	5C	7D	7D	8E	-	-	-	-	2A	4A	1	3
SELVAN A/L GOVINDASAMY	3B	4B	3B	1A	-	2A	2A	2A	4B	3B	-	-	-	-	-	4A	1	3

SESI TEMURAMAH BERSAMA PELAJAR-PELAJAR CEMERLANG SPM

GAVIN KOON KOK WAI (9A1)
MOK GINN WEI (7A1, 2A2)
TEE TING LEONG (8A1, 1A2)


Pelajar 1 : Gavin Koon Kok Wai (9A1)
Pelajar 2 : Mok Ginn Wei (7A1, 2A2)
Pelajar 3 : Tee Ting Leong (8A1, 1A2)
Wartawan : Mohd Fauzi, Mohd Mustaqim, Mohd Rashid

W : Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk sesi temuramah ini.
P1, P2, dan P3 : Sama-sama.
W : Bangaimanakah perasaan saudara apabila mendapat keputusan tersebut?
P1 : Gembira, terharu, dan ada sedikit perasaan berpuas hati dengan pencapaian ini.
P2 : Agak gembira tetapi telah berharap untuk mendapat 9A1
P3 : Berasa sangat gembira dan juga terkejut serta berpuas hati dan tak menyangka boleh menperoleh keputusan ini.
W : Apakah komen anda tentang bantuan guru di sekolah?
P1 : Guru-guru banyak membantu, saya ingin mengucapkan terma kasih kepada semua guru yang telah mengajar kami.
P2 : Guru-kguru di sekolah memang telah banyak membantu saya. Saya amat menghargai bantuan mereka.
P3 : Bantuan guru amat bagus. Guru memang boleh bantu pelajar tetapi bukan untuk sepenuh masa. Di samping itu, usaha sendiri, ibu bapa dan guru tuisyen turut membantu Yang penting ialah usaha sendiri.
W : Baiklah, siapakah yang menjadi pendorong kepada kejayaan anda pada hari ini?
P1 : Keluar ga saya sendiri kerana pendapat yang mereka berikan menyakinkan saya untuk berjaya. Saya berterima kasih pada Tuhan kerana dikurniakan kebolehan ini.
P2 : Ibu bapa kerana mereka banyak memberi dorongan dan sokongan.
P3 : Keluarga saya, guru-guru di sekolah, guru tuisyen, dan rakan-rakan.
W : Bagaimanakah anda membahagikan masa masing-masing?
P1 : Dengan menggunakan jadual, menetapkan masa ulangkaji, dan rehat pada masa lapang.
P2 : Memberi perhatian semasa guru mengajar, mengambil kelas tuisyen 2 kali seminggu, dan mengulangkaji secara berterusan 2 minggu sebelum peperiksaan.
P3 : Belajar sekiranya ada masa terluang dan buat kerja rumah pada waktu malam.
W : Ke mana hala tuju saudara-saudara sekalian selepas ini?
P1 : Belajar di Tingkatan 6 dan seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan.
P2 : Memohon untuk masuk ke universiti. Kalau tak dapat, saya akan masuk ke Tingkatan 6.
P3 : Tingkatan 6 dan seterusnya, melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dalam jurusan kejuruteraan farmasi.
W : Apakah Matapelajaran yang anda suka?
P1 : Sejak kecil, saya sudah berminat dengan matematik dan matematik tambahan. Saya selalu buat latihan yang banyak dan konsisten untuk memahami fakta dan formulayang dikemukakan. Selain itu, kita kena bijak mengaplikasikannya semasa membuat latihan-latihan tersebut.
P2 : Bahasa Inggeris (Encik Manika) dan Sejarah (Puan Fatimah) kerana mereka mengajar dengan bagus.
P3 : Kimia sebab saya amat suka dengan keputusan yang saya dapat.
W : Apakah nasihat anda kepada warga MBS yang masih belajar?
P1 : Jadilah diri kita yang sebenar.
P2 : Semoga pelajar MBS lebih berjaya di tahun hadapan dan tekun belajar.
P3 : Datang ke sekolah, kenalah dengar cakap cikgu.
W : Baiklah, terima kasih banyak-banyak dan saya berharap agar anda semua akan terus mengecapi kejayaan.
P1, P2, dan P3 : Sama-sama.

HARI keputusan

S.P.M
















LAPORAN KELAB PERSATUAN DAN SUKAN



LEMBAGA PENGAWAS



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : En. Velurajan, Pn. Lau Chong Kong, Pn. Teoh Kwan Swee, Ruqnudin, pn. Ann khoo, Boindran, Pn. Janet, En. Alif, En. Wong.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 2) : Khairul, Rafizi, Vren, Fadzli, Suresh, Saravanan, Lee Meng Whye, Waseem, Viknesh, Kumaran, Azizul, Wong, Vicktor, Manimaran, Thevindran, Ramzi, Kalairaj, Samson Anant.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 3) : Raof, Hafifi, Kanthan, S. Guna, Eamest, A. Guna, Satish, Jasjit, Raziman Dinesh, Tan Kein Hui, Redzuan Fahim, Surendran.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 4) : Gopi, Thevendran, Saifuddin, Chan Chee Wai, Soo Qin Zee, Tong Kim Teng.

Ketua Pengawas 1:
Ruqnuddin Al Hamdi Bin Rosli
Ketua Pengawas 2:
Boaindrain A/L Iyavoo
Setiausaha 1:
Lee Meng Whye
Setiausaha 2:
V. Uren Menon
Ketua Displin 1:
A. Anantharaj
Ketua Displin 2:
Mohd Fadli Bin Sinnamitin
Bendahari 1:
Mohd Ramzi Ghaffari Bin Radzi
Bendahari 2:
Mohd Rafizi Bin Razali
Ketua Patrol:
T. Viknishvasu

Pada tahun 2003, AJK dan ahli Lembaga Pengawas berkerjasama untuk mendisiplin pelajar dan berusaha menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar. Tanggungjawab seorang pengawas adalah meringankan tugas dan beban para guru, terutamanya dalam mengekalkan tahap disiplin pelajar. Selain itu, pengawas berperanan mewujudkan suasana harmoni dan melicinkan proses pembelajaran. Sebagai seorang pelajar yang dihormati, seorang pengawas perlulah menunjukkan daya kepimpinan, inisiatif dengan semangat tinggi dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Sepanjang tahun ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Hari Sukan
2. Hari Guru
3. Hari Anugerah
4. Menghadiri Majlis Temu Mesra Anjuran Sekolah Lain
5. Kursus Pengawas
6. Majlis Perpisahan Pengawas Tingkatan Lima

Sekian, Terima Kasih.

LEMBAGA PENGAWAS PUSAT SUMBER



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Jaivin, Ang Wey Loong, Pn. Jtenny, Pn. Ann Khoo, Pn. Teoh Kwan Swee, Pn. Lau Chong kong, Kim Toh Wei, Alex Matthew.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Redhuan, Rashid, Yuen Yoke kOng, Ridhuan, Wong Thion Jiet, Eng Guan Seng, Yuaraj, Gan Fuk Sien, Lim Hong Yaw, Ng Wei Seng, Raja Theeban, Yap Soon Yick.

Guru Penasihat:
Pn. Jtenny Lau Kun Jdin
Pn. Choo Lik Pin
Pn. Masykurah bt. Ismail
Pengerusi:
Ang Wey Loong
Setiausaha:
Kim Toh Wei
Naib Pengerusi:
Jaivin Suresh
Bendahari:
Alex Matthew
Ketua Disiplin:
Yap Soon Yick
Ketua Publisiti:
Lim Hong Yaw
Ketua Stok :
Yuen Yoke Kong
Ketua Majalah:
Mohd. Rashid Zaini
Ketua Pinjaman:
Eng Seng Guan
Ketua Katalog:
Logenathan
Ketua Kebersihan:
Yuaraj

Pusat sumber merupakan satu gedung yang menyimpan pelbagai bahan bacaan. Peranan utama pusat sumber ialah membentuk satu masyarakat membaca. Lembaga pusat sumber telah berjaya memberi kesedaran kepada pelajar bahawa pusat sumber adalah satu pusat rujukan yang dapat memanfaatkan pelajar-pelajar. Selain ini, lembaga pusat sumber telah berusaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa dengan menyediakan pelbagai kemudahan.

Tarikh	Aktiviti
Nov, 02	Pemeriksaan stok buku dan hapus kira
Dis, 02	Membersikan Pusat Sumber
Jan, 03	Gotong-royong
Feb, 03	Permulaan Tugas Harian
April,03	Bengkel Kecemerlangan
Julai, 03	Pemilihan AJK sesi 2003/2004

Semua aktiviti di atas telah berjalan dengan lancar. Semoga sikap suka membaca dapat dipupuk di kalangan pelajar sejajar dengan matlamat negara yang ingin melahirkan masyarakat berpengetahuan.

LEMBAGA KETUA TINGKATAN



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Mohd Roshid, Pn. Teoh Kwan Swee, En. T. A. Arumygasomy, Pn. Janet Ratnam, Pn. Lau Chong Kong, Hofiz Hafifi.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 1) : Ezra, Aizat, Noor Fuad, Ewan, Abdul Rahim, Tamil Araru, Tan Ken Wai, Devendran, Jasmi, Jefri Jaabas.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 2) : Zulhenry, Raja, Aluldas, Irawan Syah, Jagraj Singh, Mohan, Vimal Kumar, Acchutten, Vimal.

Guru Penasihat:
En. Arumugasamy
Pengerusi:
Mohd Rashid Sobli
Naib Pengerusi:
Ridzuan Ismadi
Setiausaha:
Choy Weng Lok
Naib Setiausaha:
Mohd Faiz
Bendahari:
Ezra Anantharaj
Naib Bendahari:
Abdul Faiz
AJK Ting 5 :
Mohd Hafiz Hafifi
AJK Ting 4 :
Mohd Khalil
AJK Ting 3 :
Satya

Salam Sejahtera kepada semua. Lembaga ini telah menjalankan beberapa aktiviti dan mesyuarat untuk sepanjang tahun ini.


Tarikh	Aktiviti
27 Januari 2003	Mesyuarat Agung Tahunan
10 Februari 2003	Penyerahan buku tandatangan
28 April 2003	Mesyuarat

Tugas-tugas yang dijalankan di dalam kelas ;

1. Menjaga kelas semasa ketiadaan guru
2. Membantu guru dalam semua aspek pembelajaran
3. Melaporkan kes ponteng
4. Mengawal didiplin pelajar

Semoga lembaga ketua tingkatan ini akan terus menyumbangkan bakti demi menjaga nama baik sekolah dan dapat menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan.

LEMBAGA PENYELENGGARAAN SEKOLAH



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Puganeshwaran, Pn. Teoh Kwan See, T. Manikavaasangam, Pn. Ann Lee Chii Yuan, Pn. Janet Ratnam, Pn. Lau Chong Kong, Uenu Chander.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 1) : Mahinthan, Edward Raj, Jegathiswaran, Tana Kodi, Satiaya, Anant, Simon, Kesawan, Tan Cheng Kim, Edwin, Kumaresan, Ruthran.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 2) : Calvin, Sarabjeet, Thanaseelan, Tamil Arasu, Jaffrey, Siuan Pillay, Prabu Thevan, Arul Das, Kathirauan, Achuthen, Viknesti Vimal.

Guru Penasihat:
Encik Manikavasagan
Pengerusi:
Venuchander
Naib Pengerusi:
Puganeswaran
Setiausaha:
Kumaresan
Naib Setiausaha:
Arul Dass
Bendahari:
Velan
Naib Bendahari:
Edward Raj
Ketua Disiplin:
Sathish
Ahli Jawatankuasa:
Anant
Ruthran

Lembaga Penyelenggaraan Sekolah ditubuhkan dengan tujuan membantu dan memberi khidmat kepada pihak sekolah pada setiap masa. Lembaga kami berperanan untuk mewujudkan suasana sekolah yang sentiasa bersih dan selesa. Di samping itu, lembaga kami juga sanggup mengerah tenaga bagi menjayakan segala aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Diantara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ini ialah:

- Pengambilan ahli-ahli baru dan perlantikan AJK bagi tahun 2003
- Membantu pihak sekolah dalam menjayakan temasya sukan tahunan
- Menagantikan kerusi meja sekolah yang lama kepada baru.
- Membantu pihak sekolah dalam menjayakan mesyuarat MSSKL di dewan sekolah.
- Membantu pihak sekolah menjayakan Hari Guru.
- Menjalankan aktiviti gotong-royong.
- Menjayakan Hari Anugerah Cemerlang.

Akhir kata, saya mewakili Lembaga Penyelenggaran Sekolah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami iaitu Encik Manikavasagan yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan. Tidak lupa juga kepada semua AJK dan ahli-ahli yang telah berganding bahu dalam menjayakan segala aktiviti yang dijalankan.

Kumaresan
(Setiausaha)

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Yong Wai Kit, Chee Ken Shoong, Yuen Yoke Kong, Lim Hong Yaw Pn. Fatimah, Chun Kok How, Wong Kah Chun, Cheah Kah Cheng.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Manadar, Khairul Nizam, Umair, Gary Ng, Bon Wai Hoe, Ahmad Hafirdays, Firdaus, Haniff.

Guru Penasihat:
Pn. Suzaini Abd Majid
Pn. Fatimah bt Mustafa

Pengerusi:
Lim Hong Yaw

Naib Pengerusi:
Chun Kok Haw

Setiausaha:
Yong Wai Kit

Naib Setiausaha:
Wong Kah Chun

Bendahari:
Yuen Yoke Kong

Naib Bendahari:
Cheah Kah Cheng

Tujuan utama penubuhan SPBT sekolah ini adalah untuk memudahkan penyelarasan kemudahan-kemudahan pinjaman buku teks kepada pelajar. Sepanjang tahun ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. mengagihkan buku teks kepada pelajar yang layak
2. menguruskan kes rayuan
3. mendapatkan senarai nama pelajar 2004 daripada penyelia tingkatan
4. mengemaskinikan buku teks
5. menjalankan 'sport check' ke atas setiap kelas
6. melupuskan buku-buku teks lama
7. membaiki buku-buku teks yang rosak
8. memproses borang SPBT

Akhir sekali, saya mewakili ahli SPBT ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Fatimah Mustafa dan Puan Suzaini Abd Majid, yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami. Semoga SPBT akan berjalan dengan lebih lancar pada masa hadapan.

UNIT BIMBINGAN SEKOLAH



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Azizi Hafiz, Ridhuan, Yuaraj, Pn. Nik Norma, Pn. Kamatchi, Redhuan, Ratin Shalid, Stahied.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Ridhuan Zsmaai, Hafiz Hfifi, Faridzul, Fauzi, Khairul Redhuan, Shafiq.

Guru Penasihat:
Pn. Nik Norma
Pn. Kamatchi
Pn. Norashikin
Pengerusi UBS / PROSTAR :
Yuaraj /
Redhuan Roslan
Setiausaha UBS / PROSTAR :
Hafiz Hafifi /
Ratin Shahlid
Bendahari UBS / PROSTAR :
Ridhuan Hashim / Syahied
Ketua Displin:
Khairul Redzuan
Biro Publissiti UBS / PROSTAR:
Azizi Hafiz /
Muhd Firdaus
Bilik Resos UBS / PROSTAR:
Redhuan Ismadi / Faridzul
AJK Petang:
Mohd Syafiq
Fauzi
Mior

U.B.S atau dikenali sebagai Unit Bimbingan Sekolah telah ditubuhkan bagi membantu para pelajar yang mempunyai masalah dalam pelbagai aspek. Tahun ini U.B.S. Telah dibahagikan kepada dua cabang iaitu P.R.S dan juga PROSTAR. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun ini adalah seperti berikut:

1. Minggu Orientasi Tingkatan 1 dan 2
2. Buka Bedung 2003
3. Kursus Kepimpinan Pelajar
4. Program keceriaan bilik resos
5. Pemilihan AJK baru 2003 / 2004
6. Karnival Prostar 2003 di Titiwangsa
7. Kursus asas P.R.S.
8. Program Tak Kenal Maka Tak Cinta

Akhir kata saya sebagai setiausaha U.B.S ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru penasihat dan semua AJK kerana telah bertungkus-lumus untuk menjayakan segala aktiviti yang dijalankan pada tahun ini. Semoga Kelab U.B.S akan maju di masa hadapan.

PENGAKAP



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Aswan, Yuaraj, Kamil, Pn. Suzana, Riduan Roslan, Shashiteran, Naavin, Suthan.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Ridzuan Ismadi, Mohd Fpizal, Gopi, Vinodh Krishna, Anant, Ramakrisha, Hafifi, Khairul Nizam, Nor Azlan.

Penaung:
Pn. Ann Lee Chii Yuann

Pernasihat:
Pn. Suzana bt. Saad
Pn. Zulaini bt. Salleh
En. Abdul Rakis

Pengerusi:
Ramakrishna a/l Soloman

Setiausaha:
Ridzuan Ismadi b. Ahmad

Bendahari:
Mohd Khairul Nizam

Quatermaster 1:
Anant a/l Thangaveloo

Quatermaster 2:
Mohd Nor Azlan

Selamat Sejatera

Terlebih dahalu , kami bersyukur kehadrat Ilahi kerana limpah kurnianya kami telah berjaya menjalankan aktiviti-akttiviti pada tahun ini dengan lancar dan tanpa mengadapi sebarang masalah. Berikut adalah aktiviti yang telah kami jalankan pada tahun ini.

Tarikh	Aktiviti	Keptusan
15/1	Pengambilan ahli baru.	Baik
28/2	Bertugas di Sukan Tahun Sekolah	Baik
11/4	Perkemahan di Sekolah	Baik
23/6	Menghadiri Campfire Sekolah Klang High	Baik
26/7	Mengadakan Malam Kebudayan di Sekolah	Baik

Akhir sekali saya ingin mengucapkan jutan terima kasih kepada Pn Suzana dan Pengetua Sekolah Pn. Ann Khoo serta semua yang telah membantu kami secara langusung dan tidak langusung bagi menjayakan aktiviti – aktiviti pada tahun ini.

" Scouting Sprit Never Dies"

KADET REMAJA SEKOLAH



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Mohd Rashid Sobli, Umair, Ruqnuddin, Cik Che Rogayah, Mohd Rashid Zaini, Mohd Helmi, Mahadar.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Meor Hairulnizam, Nohar, Adi Izwan, Ridhuan, Azizul, Khairul Anwar, Jasmi, Aizat.

Guru Penasihat:
Pn. Suzaini Abd. Majid
Pengerusi :
Ruqnuddin Al Hamdi
Naib Pengerusi:
Umair Mesuri
Setiausaha:
Mohd Hafiz Hafifi
Naib Setiausaha:
Khairul Anwar Kasni
Bendahari:
Khairul Redzuan
Ahmad Johar
Naib Bendahari:
Mohd Azizul Azim
Hazlan
AJK:
Mohd Rasyid Sobli
Mohd Rafizi Razali
Mohd Helmi Abdullah

Kadet Remaja Sekolah (KRS) telah ditubuhkan pada 20 jun 1995 secara umum. Tetapi kadet Remaja Sekolah di sekolah ini bermula pada Februari 1996. Walaupun begitu, sambutan dikalangan pelajar-pelajar sekolah ini amat menggalakkan. Ini adalah kerana bilangan ahli KRS pada tahun 2003 telah meningkat; iaitu kira-kira seramai 70 keahlian. KRS juga telah berjaya melahirkan ramai pelajar yang cemerlang dalam kokurikulum dan akademik.


Antara aktiviti yang dijalankan:

1. Pengambilan ahli baru
2. Perkhemahan orientasi ahli baru
3. Perbarisan Badan Beruniform Untuk Hari Sukan
4. Taman Mini KRS
5. Pertandingan Kawad kaki Badan Berunuiform Peringkat Zon Sentul
6. Jambori SLAD peringkat Wilayah Persekutuan
7. Karnival Rekreasi Kebangsaan di Putrajaya
8. Perbarisan Badan Beruniform Untuk Hari Anugerah Cemerlang.
9. Perkhemahan di Janda Baik, Pahang
10. Perkhemahan Perdana KRS.
11. Perlantikan AJK baru.

Kecemerlangan ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dan kerjasama daripada ahli-ahli dalam menjayakan aktiviti sepanjang tahun ini amat dihargai

" Ilmu, Iman, Amal "

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Mohd Rafiq, Mohd Ramzi Ghaffari, Pn. Rubiah, Tan Kien Hui, Redzain.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Mohd Rashid, Mohd Mustaqim, K. Neela, Jagathisaran, Dinesh, Mohd Xusri.

Guru Penasihat:
Pn. Rubiah Jusoh
Cik Azira Yasoa
En Asman Daud

Pengerusi:
Srj. Mohd Ramzi

Naib Pengerusi:
Srj Tan Kien Hui

Setiausaha:
Kop. Mohd Rafiq

N. Setiausaha:
Lans. Mohd Yusri

Bendahari:
Kop Redzain

AJK:
Lans. Kop. Dinesh
Lans. Kop. Neela
Lans. Kop. Neevasyen
Lans. Kop. Ang Chin Wah

Matlamat utama penubuhan PBSM ini adalah untuk melahirkan pelajar yang sihat dari segi fizikal dan mental, di samping mewujudkan masyarakat yang berdisiplin. Tujuan penubuhan ini untuk menyemai semangat tolong menolong antara satu sama lain tanpa mengira kaum atau agama. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ini adalah:


Tarikh	Aktitivi
Januari	- Pengambilan ahli
Februari	- Bertugas hari sukan MBS
Mac	- Bertugas hari sukan S K Thambusamy
April	- Pertandingan Kawad
Mei	- Latihan Pertolongan Cemas
Jun	- Perkhemahan
Julai	- Praktikal Kawad kaki
Ogos	- Ujian kenaikan pangkat
Sept.	- Pemilihan AJK 2003/04

Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada AJK dan guru penasihat atas kerjasama yang diberikan. Akhir kata, semoga PBSM dapat merealisasikan wawasan 2020.

'Service Beyond 2020"

Rafiq
Setiausaha

BRIGED PUTERA



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Lim Yeo Hoon, Kumaresan, Yap Sjoon Yick, Encik Wong, Mohan, Low Kim Eng, Yap Teck Beng.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 1) : Karunakaran, Yuen Yoke Kong, On Beng Han, Siong Wai Cheong, Lim Chun Choong, Chun Kok Hau, Ang Siew Kat, Novin, G. Sarawanann, Lim Chung Tart, Ong Lin Koong.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI 2) : Rajatheeban, Young Wai Kit, Wong Tien Jiet, Lim Hong Yaw, Wong Kah Chun, Logenathan, Suthan, Ezra.

Guru Penasihat :
En. Wong Kok Wai
Pn. Ang Choon Ai
Pengerusi:
Yap Soon Yick
Naib Pengerusi:
Mohan a/l Phonotharia
Setiausaha:
Yap Teng Beng
Naib Setiausaha:
Kalairaj a/l Mahalingam
Bendahari:
Lim Chung Tat
AJK :
Vikneswaran a/l Ratnesparali
Lim Yeo Hoon
Lim Chun Choong
Oh Bang Han
Ong Lin Keong
Kumaresan

Terlebih dahulu, saya ingin menyatakan rasa bersyukur kepada tuhan kerana aktiviti tahun ini, telah dijalankan dengan baik. Tujuan Briged Putera adalah untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti pancaragam muzik di sekolah MBS SENTUL.


Briged Putera ini terbuka kepada pelajar yang bukan islam sahaja untuk menyertai pelbagai aktiviti seperti muzik pancaragam, sukan sejarah Briged Putera, pengetahuan am, berfikiran kreatif dan inovatif. Aktiviti diadakan pada setiap hari Ahad masa 2.00-5.30 petang di GMC.

Ciri-Ciri Briged Putera adalah:-

1. Pasukan yang beruniform
2. Bermain alat-alat muzik seperti drummer, bass.
3. Logo – berbentuk sauh
4. Motto – tetap dan teguh
5. Pasukan yang berdisiplin

"SURE & STEDFAST"
2nd Kuala Lumpur Company

KELAB KARATE DO



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Thanaskodi, Kanthan, En. Vellu Rajan, Guna Segaran, Anandtharaj.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Ganes Kumar, Thana Selan, Sathiya, Suresh, Thevindren.

Guru Penasihat:
Encik Velurajan

Jurulatih:
Encik Subramaniam

Pengerusi:
Kanthan Kanasin

Naib Pengerusi:
Gunaseegaran a/l Karupriya

Setiausaha:
Sathiya

Bendahari:
Bala Krishnan

AJK:
Thiru

Tujuan kelab ini ditubuhkan adalah untuk membimbing pelajar supaya dapat meiningkatkan keupayaan mempertahankan diri apabila berhadapan dengan situasi yang tidak diingini. Latihan diadakan pada setiap hari Sabtu di dewan sekolah. Setakat ini, kelab dianggotai oleh 25 orang ahli dari sesi pagi dan petang. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun:


Januari 2003 - Pengambilan ahli baru
Februari 2003 - Mesyuarat Agung Tahunan
April 2003 - Ujian Pengredan pertama.
Mei 2003 - Menyertai kejohan Karate-Do, Remaja kebangsaan di Perak
Jun 2003 - 23rd Wilayah Open Inter-Tournament
Okt. 2003 - Menyertai Kejohanan Karate di Perlis Terbuka

Pencapaian terbaik kelab ini ialah pada kejohan karate-Do Remaja Kebangsaan yang diadakan di Perak, Kanthan dan Guna ialah berjaya membawa pulang pingat gangsa.

Tambahan pula, Kanthan memenangi dua pingat emas dan Thanskodi satu pingat perak di 23rd Wilayah Open Inter Tournament. Oleh itu, saya berharap agar kelab ini terus maju dalam mengharumkan nama MBS pada masa hadapan.

Sathiya
Setiausaha

KELAB TAEKWONDO



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Toh Chin Leong, Chong Kah Seng, En Manika, Wong Thran Tiet, Gan Wee Cheoong.

DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Oh Bang Han, Chun Kok How, Siong Wai Cheong, Lim Chun Choong, Ang Swee Kiat, Yong Wai Kit.

Guru Penasihat:
Encik Manikavasagan

Pengerusi:
Wong Tian Jiat

Naib Pengerusi:
So Ki Siong

Setiausaha:
Chong Kah Seng

Bendahari:
Toh Chin Keong

AJK:
Gan Wee Choong
Ngui Soon Peng

Kelab Teakwondo telah ditubuhkan sejak 17 tahun yang lalu. Kelab ini boleh dikatakan antara kelab yang tertua dan aktif dalam sekolah ini. Objektif penubuhan kelab ini ialah untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri yang unik iaitu teakwondo di kalangan remaja disamping memupuk sikap toleransi dan disiplin di kalangan mereka.

Setakat ini, kelab ini mempunyai 25 orang ahli dari sesi pagi dan sesi petang. Berikut ialah aktiviti yang telah kita jalankan sepanjang tahun 2003:

Jan 2003 : Pemilihan Ahli Jawatankuasa bagi sesi 2002/2003
Feb 2003 : Mesyuarat agong tahunan: Mengadakan demonstrasi untuk menggalakkan penyertaan pelajar sesi petang dan sesi pagi
Mac 2003 : Ujian Peggredan pertama
Mei 2003 : Ujian Penggredan kedua
Ogos 2003 : Ujian Penggredan Ketiga
Sept 2003 : Pemilihan Ahli Jawantankuasa baur bagi sesi 2003/2004

Dengan adanya tunjuk ajar Master Ben Wong iaitu jurulatih kebangsaan negara kita, kelab ini telah berjaya memupuk sikap berdisiplin di kalangan ahli. Oleh itu, saya selaku setiausaha kelab ini ingin mengambil kesempatan disini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Master Ben Wong dan Encik Manikavasagan iaitu guru penasihat kelab atas segala sumbangan yang diberikan olehnya kepada kelab ini. Sekian Terima Kasih.

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Mukhriz, Rashid, Smsol, Pn. Tengku Norli, Rasyid, Kyaizee, Alif.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Kamil, Nazri, Azizi, Hanafi, Jefferi, Nohar, Khairul Ridzwan, Safuan.

Guru Penasihat:
Pn.Tengku Norli
En. Saleh Md Din
Juru latih:
En. Mohd Tahir b. Saidon
(Khalifah Muda Majlis Beradat Negeri Selangor)
Pengerusi :
Abdul Rasyid Zairazi (5B2)
Naib Pengerusi :
Samsul Ihqmal Samsudin (4M1)
Setiausaha:
Abdul Rasyid Aiman Shahidan (5B1)
Bendahari:
Abdul Mukhriz Abdullah (5B1)
Naib Bendahari:
Alif Mohd Norsyikin (4B)
AJK:
Safuan Roslan (5B2)
Azizi Hafiz (5S2)
Firdaus Jasmi (1S2)
Mohd Faizal Rasyid (2B1)

Assalamulaikum WBR. Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia ditubuhkan di sekolah ini bertujuan menanamkan sifat kepahlawanan dan ketahanan diri di kalangan ahli-ahlinya untuk mengembangkan budaya Silat supaya tidak hilang ditenggelam zaman. Ia juga mewujudkan sifat kesabaran serta sikap berkerjasama. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2003.

Februari: * Pengambilan ahli baru
* Demonstrasi untuk hari pameran kokurikulum
* Mesyuarat Agong Tahunan

Mac: * Lawatan sambil berlatih di SMK Hillcreast Gombak
* Latihan silat sekolah dijalankan pada setiap hari sabtu dari pukul 4 hingga7 petang di padang sekolah.

April: * Menyertai kejohanan Pencak Silat Remaja Kebangsaan Gayong di kompleks Zsukan kampung Pandan K. L.

Mei: * Membuat persembahan untuk majlis perkahwinan
* Membuat Persembahan Silat Sempena Hari Anugerah Cemerlang

Julai: * Menyertai kejohanan Pencak Silat Remaja Kebangsaan di stadium badminton Cheras, Kuala Lumpur.

Ogos: * Mandi tapak di SMK Hillcreast Gombak Selangor, Sempena Majlis Silaturrahim antara. SMK (L) METHODIST SENTUL dan SMK HILLCREAST GOMBAK

Sep-Okt: * Latihan mingguan dijalankan seperti biasa

Kejayaan setakat ini:
* Kejohanan Pencak Silat Remaja Gayong Kebangsaan.

1. Silat olahraga: Johan
   Kyaizee Mohd (kelas H putera) (5B1)
   Khairul Redzuan (kelas I putera) (5S2)
2. Kategori Jurus Tunggal: Johan
   Mohd Hanafi Redzuan (4S1)
3. Kategori Tempur Bersenjata: Johan
   Mohd Hanafi Redzuan (4S1)
   Alif Mohd Norsyikin(4B)
4. Kategori masal Wajib: Johan
   Samsul Ihqmal Samsudin (4 M1)
   Mohd Hanafi Redzuan (4S1)
   Alif Mohd Norsyikin(4B)
5. Kategori Masal Bebas: Johan
   Abdul Rasyid Zairazi(5B2)
   Abdul Mukhriz Abdullah(5B1)
   Abdul Rasyid Aiman Shahidan(5B1)
   Samsul Ihqmal Samsudin (4 M1)
   Mohd Nohar Nohaji (5B1)

Pihak pertubuhan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah, PIGB, Jurulatih, guru penasihat serta ibu bapa kerana telah memberi sokongan kepada pertubuhan ini. Dengan ini di akhiri dengan suara semangat anak GAYONG.

" GENGGAM, ANGKAT, YAKIN, WARAS, NGERI"

SKIM LENCANA ANTI DADAH (SLAD)



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Redhuan, Hafiz Hafifi, Cik Che Rogayah, Rugnuddin, Mohd Rashid.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Nohar, Khairul Redzuan, Syahied, Kyaizee, Mohd Rashid, Rafizi.

Guru Penasihat:
Pn. Suzaini Abd. Majid
Pengerusi:
Mohd Hafiz Hafifi b. Salehuddin
Naib Pengerusi:
Mohd Rashid Mohd Sobli
Setiausaha:
Ruqnuddin Al Hamdi b. Roosli
Naib Setiausaha:
Khairul Redzuan Ahmad Johan
Bendahari:
Mohd Rashid Zaini
Naib Bendahari:
Mohd Rafizi Razali
AJK:
Mohd Azizul Azim
Khairul Anwar Kasni
Mohd Nohar Nohahji

Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) adalah merupakan sebuah persatuan yang menggabungkan kesemua badan beruniform. Penubuhannya bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berdisiplin dan berwawasan. Pencapaian cemerlang SLAD SMK(L) Methodist Sentul ialah terpilih sebagai sekolah contoh SLAD Zon Sentul. Pemilihan ini berdasarkan kepada penglibatan aktif ahli-ahli SLAD di dalam program yang dianjurkan oleh JPWP. Ahli SLAD sekolah ini telah mendapat pengiktirafan sebagai Tokoh Kepimpinan di peringkat negeri dan kebangsaan melalui aktiviti Jambori SLAD dan Kolokium. Kecemerlangan yang diperolehi akan dijadikan sebagai dorongan dan motivasi untuk memantapkan lagi pengurusan SLAD sekolah ini.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:


- Pengambilan ahli baru
- Perlantikan AJK 2003
- Jambori SLAD Peringkat Wilayah Persekutuan 2003
- Jambori SLAD Peringkat Kebangsaan 2003
- Minggu Anti Dadah Peringkat Sekolah
- Karnival PPDa Peringkat Zon Sentul
- Karnival PPDa Peringkat Wilayah Persekutuan
- Pertandingan Buku Skrap Peringkat Zon Sentul
- Kolokium SLAD Peringkat Kebangsaan
- Penganugerahan ahli

Bertepatan dengan tema tahun ini " TAHUN 2003 : PERANGI DADAH HABIS-HABISAN" kami menyeru dan berharap agar impian ini dapat direalisasikan. Semoga generasi yang berkualiti mampu menjana aspirasi negara.

"SEKOLAH BEBAS DARIPADA DADAH 2004"

Ruqnuddin Al Hamdi Roosli
Setiausaha

INTERACT CLUB



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Yuen Yoke Kong, Lim Hong Yaw, Cik Agartha Diah, Kim Toh Wei, Siong Wai Cheong.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Calvin Chin, V. Uren Menon, Lee Meng Whye, Yong Wai Kit, Ang Wei Loong.

Guru Penasihat:
Cik Agartha Diah
President:
Itr. Lim Hong Yaw
Vice President:
Itr. Yuen Yoke Kong
Secretary:
Itr. Kim Toh Wei
Treasurer:
Itr. Lee Meng Whye
I.U Director:
Itr. Steven Siong
Club Director:
Itr. Eugene Yong
Community Service Director:
Itr. Calvin Chin
Funding Director:
Itr. Uren Menon
Art & Bulletin Director:
Itr. Ang Wey Loong

The Interact Club was formed in 1962 and it is a Rotary Club sponsored service organization whose purpose is to provide opportunity for young people to work together in a world of fellowship dedicated to service and international understanding. With the Cooperation from the Rotarians, teacher advisors, Board Of Director and members, we have successfully completed the following projects:

1. Recruiting new members
2. Carrying out the old newspaper recycling project
3. Holding the annual International Understanding Day
4. Cleaning the school pond
5. Attending Gatherings
6. Selling food on Hari Karnival Kurikulum
7. Choosing the new BOD year 2003 / 2004

Finally, the club would like to thank all Rotarians, teachers and fellow interactors for their help and guidance. We hope that the Interact Club will keep growing and form a special bond among members and society and dedicating their services to help the needy.

" Service Above Self "

KOPERASI SEKOLAH



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : En. Choo Chee Seng, Pn. Ang Choon Ai, Pn. Ong Tarn Choon, Pn. Ann Khoo, Pn. Teoh Kwan Swee, Pn. Lau Chong Kong, Pn. Jamaliah, Cik Che Rogayah.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Mohd Firdaus, Mohd Fairus, Chew Weng Yew, Yuen Yoke Kong, Vincent Paul, Ali Hanafi, Chook Zhen Tuck, Lim Chee Kom.

Pengerusi:
Pn. Ann Lee Chii Yuan
Naib Pengerusi:
Pn. Teoh Kwan Swee
Setiausaha:
Cik Che Rogayah Che Daud
Naib Setiausaha:
Pn. Hjh. Jamaliah Hj. Yahya Zikri
Bendahari:
Pn. Ong Tarn Choon
Naib Bendahari:
Pn. Ang Choon Ai
Pengurus Jualan
En. Choo Chee Seong
AJK:
Mohd Fairuz Nordin
Yuen Yoke Kong
Vincent Paul Jr
Chew Weng Yew

Koperasi SMK (L) Methodist Sentul telah didaftarkan dengan rasminya pada 1 Julai 1986. Bilangan ahli koperasi sehingga kini adalah 1580 orang. Dalam pengendalian koperasi ini, kami mempunyai hubungan yang rapat dengan Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Persekutuan. Kerjasama yang mereka berikan telah banyak membantu koperasi sekolah bergerak dengan lebih sistematik dan teratur.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:
- menjual alat tulis
- menjual kain samping
- menjual tag nama
- wakil insurans pelajar AIA
- menjual T-Shirt sekolah
- menjual T- Shirt sukan
- menyertai kuiz Koperasi Kebangsaan mendapat tempat ketiga

Semoga koperasi sekolah ini akan terus maju dan berkembang dengan lebih pesat atas sokongan dan kerjasama daripada semua ahli.

Cik Che Rogayah Che Daud
Setiausaha

PERBADIS



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Rashid, Izhur, Pn. Falidah, Haslul, Ridhuan.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Awadz, Nazri Hafifi, Khairul Redzuan, Syahied, Halim.

Guru Penasihat:
Ustazah Suzana Sulaiman
Ustazah Faridah
Pengerusi:
Mohd Izhar Nasrun
Naib Pengerusi:
Azizul Azim
Setiausaha:
Hasrul Jasmi
Naib Setiausaha:
Rahmat Hidayat
Bendahari:
Mohd Nazri Adnan
Naib Bendahari:
Khalil
AJK:
Awardz Awang
Abdul Rasyid Zairazi
Nor Halim Kantoi
Aizuddin

Assalammualaikum wbr. Saya ucapkan kepada para pembaca sekalian. Matlamat utama persatuan ini ditubuhkan adalah untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar serta membentuk pelajar supaya menyintai agama islam.


Antara aktiviti yang dijalankan:-

*Pndaftaran dan pelantikan AJK baru
*Merancang aktiviti tahunan
*Minggu keagamaan
*Khemah Ibadat
*Maulidur Rasul
*Jamuan akhir tahun AJK
*Solat Hajat
*Operasi membersih surau

Akhir kata, saya berharap dengan adanya persatuan ini, dapat membimbing para pelajar Islam mahupun pelajar bukan Islam kearah kecermelangan hidup. Wassalam

"Takbir,Allahuakbar"

CHRISTIAN SOCIETY



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Abraham, Lorenzo, Alex Matthew, Pn. Jtenny, Ezra, Calvin Chin, Jeffrey.

Teacher Advisor:
Pn. Jtenny

President:
Calvin Chin

Secretary:
Alex Matthew

Treasurer:
Ezra Anatharaj

- Meetings are held once a fortnight, on Friday after school.
- Conduct classes based on the characters in the Bible.
- We pray that more Christian students will join the meetings.

PERSATUAN AGAMA BUDDHA



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Lim Hang Yaw, Wong Kah Chon, Pn. Law. Ang Wei Loong.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Yuen Yoke Kong, Siong Wai Cheeng, Kim Foh Wei, Lee Soon Kat, Ang Swee Kiat, Yong Wai Kit.

Guru Penasihat:
Pn Low Yew Lim,
En. Choo Chee Seng

Pengerusi:
Wong Kha Chun

Naib pengerusi:
Ang Wei Loong

Setiausaha:
Fong Kin Sing

Bendahari:
Lim Hong Yaw

Naib Bendahari:
Yuen Yoke Kong

AJK:
Lee Soon Kat
Ang Swee Kiat
Gary Ng Kim Chulan

Persatuan kami telah mula menjalankan aktiviti pada 17 Januari 2003.

Persatuan ini ditubuhkan untuk memperkenalkan pengetahuan dan ajaran Buddha kepada ahli-ahli agar dapat membantu mereka dalam kehidupan harian. Guru-guru penasihat berharap agar kami dapat menjadi seorang insan yang berakhlak mulia dan bermoral tinggi. Mesyuarat Agung Tahunan telah dijalankan pada 17 Januari 2003. Dalam mesyuarat itu, pelbagai rancangan tahunan telah dirancangkan seperti berikut:

1. Mesyuarat AJK
2. Mesyuarat Agung Tahunan
3 Dhamma Talk
4. Meditation
5. Lawatan Sambil Belajar
6. Jamuan Perpishan
7. Ceramah tentang Agama Buddha (pada minggu agama Buddha)
8 Tayangan Video


Sebagai setiausaha persatuan ini, saya berasa bangga kerana ahli-ahli di persatuan ini dapat memberkan kerjasama untuk menjayakan aktiviti.

Selain itu guru-guru penasihat kami juga mengorbankan banyak masa dan tenaga untuk memberikan ajaran dan nasihat kepada kami.

Sekian, terima kasih.

Foong Kin Sing
Setiausaha

PERSATUAN AGAMA HINDU



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Kalairaj, Kumaresan, En. Tanabal, Achuthan, Vincent Paul.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Suthan, Sathia, Sasintheran, Narin, Ruthran, Rajatheeban.

Guru Penasihat:
Encik Thanabal
Pengerusi:
Kumaresan a/l Sookmaran
Naib Pengerusi:
Achuthen a/l Pathmanathan
Setiausaha:
Kalairaj a/l Mahalingam
Naib Setiausaha:
Surendran a/l Rajendran
Bendahari:
Viknesh Vasu a/l Tirumalingam
Naib Bendahari:
Vincent Paul Jr.
Ahli Jawatan Kuasa
Tingkatan 5:
Sasintheran a/l Rajayandran
Tingkatan 4:
Shatish Rao a/l Amathaly
Tingkatan 3:
Sathya Narayanan a/l Pathmanathan


Persatuan Agama Hindu yang ditubuhkan pada 21 Februari 1992 bertujuan untuk mengembangkan kefahaman mengenai agama dan bahasa serta memberi bimbingan dan memberi motivasi kepada pelajar dalam menghadapi cabaran hidup. Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk menarik minat pelajar. Diantara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada tahun ini ialah:

- Januari-pengambilan ahli baru, Mesyuarat Agong Agama Hindu
- Feb-Jun-Mesyuarat kecil dan perbincangan mengenai Agama Hindu
- Jun-Pertandingan Devaram
- Ogos-Rombongan ke Kalvi Yathirai 2003
- September-Perayaan Pillayar Saturthi
- Oktober-Sarashwathy Pooja dan Majlis Perpisahan

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, Encik Thanabal di atas segala bimbingan, nasihat serta tunjuk ajarnya dalam mengerakkan persatuan ini. Diharap persatuan ini akan terus maju dan berkembang pada tahun-tahun yang akan datang.

'HINDUISM-THE WISDOM OF LIFE'

PERSATUAN AGAMA SIKH



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Sarabjeet Singh, Sukavinder Singh, Pn. Amarjit Kaur, Jagraj Singh, Jagdish Singh.

DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Inderjit Singh, Manpal Singh, Jasjit Singh, Amarraj Singh, Raymondjit Singh, Govindeep Singh.

Guru Penasihat:
Pn Amarjit Kaur

Pengerusi:
Jagraj Singh

Naib pengerusi:
Tarundev singh

Setiausaha:
Jagdish Singh

Naib Setiausaha:
Sarabjit Singh

Bendahari:
Sukhvinder Singh

Naib Bendahari:
Jasjit Singh

AJK:
Govindeep Singh
Ravinder Singh
Jaswinder Singh

Persatuan ini ditubuhkan untuk menyatukan pelajar-pelajar beragama Sikh daripada sesi pagi dan petang. Persatuan kami mempunyai 16 orang ahli. Berikut adalah aktiviti persatuan kami sepanjang tahun ini.


1. Mesyuarat Agong
2. Mengukas papan kenyataan persatuan
3. Kebersihan sekolah (khidmat masyarat)
4. Meraikan hari guru
5. Perayaan Vasakhi
6. Upacara sembayang PMR / SPM

Akhir sekali kami ingin mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat persatuan ini atas tunjuk ajar dan nasihat beliau. AJK juga ingin mengucapkan terima kasih atas semangat dan sokongan dalam menjayakan semua aktiviti di atas

WAHEGURU JI KA KHALSA
WAHEGURU JI KI FATEH

Jagdish Singh
Setiausaha

KELAB MUTEC



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Mohd Faridzul, Mohd Ali Izwan, Pn. Intan, Dzulfazey, Mohd Alif.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Mohd kamil, Abdul Rasyid, Mohd Rasyid, Lorenzo, Kyaizee, Ridhuan, Nohar.

Guru Penasihat:
Pn. Intan Azira Aziz
Pn. Marsita Mohsin

Pengerusi:
Mohd. Adi Izuan

Setiausaha:
Mohd Alif

Naib Setiausaha:
Mohd Farizul Izwan

Bendahari:
Lorenzo

AJK:
Nohar
Hafifi

Muzik Theater and Culture telah ditubuhkan pada tahun 1999 dengan bertujuan memelihara kesenlah dan kebudayan bangsa dan negara kita. Selain itu secara tidak langsung melahirkan pelajar – pelajar berbakat dalam bidang seni. Pada tahun ini pelbagai aktiviti tahunan dijalankan seperti berikut:

1. Pengambilan ahli baru dan pelantikan AJK 2003.
2. Mengadakan persembangan hari Guru , Hari Anugerah dan lain-lain lagi.
3. Menyertai pertandingan boria dan dikir barat dalam karnival PPDa.
4. Jamuan makan akhir tahun.

Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang memberi sokongan dan dorongan kepada kami. Memori tahun ini akan dikenang sepanjang masa.

PERSATUAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN TAMIL



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Boaindran, Uren, Pn. Kamatehi, Satish Rao, Guna Seelan.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Suthan, Victer, Guna Segaran, Mohan. P, Kanthan, Karunakaren, Siva Balan, Yuvaraja.

Guru Penasihat:
Puan Kamatchi
Pengerusi:
Uren Menon
Naib Pengerusi:
Satish Rao
Setiausaha:
Boindrain
Naib Setiausaha:
S .Gunaseelan
Bendahari:
Yuvaraj
Naib Bendahari:
Loganathan
Biro Pemberitahuan:
*Victor Suresh
*Gopi
Biro Persembahan:
*Karunakaran
*Kanthan
Biro Papan Kenyatan:
*Sivabalan
*Kanthan

Persatuan yang dipengerusikan oleh Pn. Kamatchi ini ditubuhkan dengan tujuan untuk mengembangkan kefahaman mengenai kebudayaan serta memperbaiki mutu Bahasa Tamil di kalangan pelajar. Persatuan ini telah menjalankan banyak aktiviti. Antaranya ialah:-

1. Memberikan air minuman secara percuma semasa perarakan kereta berhias.
2. Lawatan ke kuil berhampiran
3. Lawatan ke rumah anak-anak yatim
4. Mengambil bahagian dalam upacara "Kalvhi Yaathirai" di Batu Caves.
5. Mengadakan pertandingan "kolam"
6. Mencipta logo untuk lencana kolar persatuan
7. Membuka gerai semasa karnival kokurikulum sekolah
8. Membuat Persembahan tarian dalam upacara rasmi sekolah

Sebagai akhir kata, Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang menolong dan membimbing kami, terutamanya Pn. Kamatchi yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar. Saya berharap persatuan ini akan lebih berjaya di masa hadapan.

KELAB KESELAMATAN JALAN RAYA



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Nor Halim, Khairul Nizam, Pn. Choo Lik Pin, Mohd Hazli, Shahrul.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Nohar, Nazri, Farid Hafiz, Haswl, Rasyid, Amim.

Guru Penasihat:
Pn. Choo Lik Pin
En. Mustafa Othman
Pengerusi:
Khairul Nizam Azman
Naib Pengerusi:
Mohd Hazli Iswan
Setiausaha:
Nor Halim Kentol
Naib Setiausaha:
Mohd Jazli
Bendahari:
Mohd Nikmat
Naib Bendahari:
Sharul Affandi
AJK:
Hafiz Mawi
Farid Sayed
Amim
Hasrul Jasmi
Abdul Rasyid Zairazi
Mohd Izhar Nasrun

Assalammulaikum dan salam sejahtera. Matlamat utama kelab ini ditubuhkan adalah untuk menimbulkan kesedaran dan sikap tanggungjawab pelajar terhadap penggunaan jalan raya.

Antaranya aktiviti yang dijalankan:-
*Pendaftaran dan perlantikan AJK bagi sesi 2003
*Merancang aktiviti tahunan
*Pertandingan ujian lalulintas
*Pertandingan membuat buku skrap
*Kuiz ujian lalulintas
*Pertandingan melukis poster

Akhir kata, saya mewakili ahli Kelab Keselamatan Jalan Raya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada guru penasihat yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan dari setahun ke setahun.

"Berhati-Hati Di Jalan Raya Dan Ingatlah Orang Yang Tersayang"

KELAB PENCINTA ALAM



DARI KIRI KE KANAN (DUDUK) : Jefri, Zahier, Cik Hasrina, Fahmi, Mohd Ruzaim.
DARI KIRI KE KANAN (BERDIRI) : Ridhuan, Hasbullah, Fauzi, Azizul, Fikri.

Guru Penasihat:
Cik Hasrina bt. Roslani
Pengerusi:
Mohd Zahier b. Khairul Anuar
Naib pengerusi:
Abdul Faiz B. Rosli
Setiausaha:
Mohd Faimi b. Abd Rahaman
Naib Setiausaha:
Mohd Irwan
Bendahari:
Mohd Azizul b. Dahalan
Naib Bendahari:
Mohd Aizuddin
AJK:
Lee Chan Yee
Mohd Hafiz
Mohd Roshidi b. Rosli
Jefri Jabas

Kelab Pencinta Alam ini ditubuhkan bagi menyemai dan menanam semangat cintakan alam sekitar. Selain itu juga, kelab ini juga bertujuan untuk melahirkan masyarakat belia yang bertanggungjawab dan prihatin dalam memelihara alam sekitar. Sempena dengan matlamat penubuhan, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun. Antaranya ialah:

- mengadakan mesyuarat agung.
- menjalankan aktiviti minggu alam sekitar.
- mengumumkan tarikh penting Berkenaan Hari Alam Sekitar Di Dunia.
- menyelenggara rumah hijau.
- membangunkan peralatan kaji cuaca dengan bantuan Jabatan Sains.

Norazaman memperoleh kemenangan peraduan peringkat guru sempena Hari Guru tahun ini menerusi karyanya 'Tumpasnya Jerung Siber', manakala Zaliha pula 'WWW Memorylane.Com.My'.

Tempat kedua kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, masing-masing dimenangi guru Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Sintok, Seberang Prai, Zurhan Bakar dan Wong Chao Kiong (SMK Green Road Kuching Sarawak)>

Intan Azira Aziz dari SMK (P) Methodist Sentul, Kuala Lumpur dan Cecily Ganum (SK Methodist Anglo-Chinese, Sarikei, Sarawak) pula memenangi tempat ketiga kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Bagi Peraduan Menulis Cerita Kanak-kanak Kategori Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah, pemenang pertama ialah Mohd Aizad Osman dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar, Kota Tinggi, Johor, dengan ceritanya "Jasamu Tetap Ku Kenang'.

Tempat kedua, Amira Khairani Kamarul dari SK Sungai Plong, Sungai Buloh, Selangor dan Amira Yusof (SK Gedangsa, Kuala Kubu Baru, Selangor) di tempat ketiga.

Untuk kategori bahasa Inggeris, tiada pemenang pertama, walau bagaimanapun, Izzah Hanim Awang @ Ab Rahim dan Fatin Hilyani Mohamad (SK Porak, Palekbang, Kelantan), masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Thursday, March 27, 2003

SPORT

SCHOOLS ATHLETICS/ Sentul Zone

MBSS ON A ROLL!

...but second day of meet does not provide much cheer

By HARESH DEOL

METHODIST BOYS SCHOOL, SENTUL (MBSS) had an excellent morning by bagging all three medals in the 10km walk on the second day of the Sentul Zone schools athletics meet at Selayang Stadium yesterday.

P. Mohan was the first to cross the line by clocking 1:03.3s, followed by schoolmate S. Suresh a mere second behind. K. Kanthan completed the sweep by bagging the bronze.

MBSS did well in another long distance event – a 1-2 finish in the Under-15 2000m steeplechase. Gopi Balakrishnan, 15, strode to victory en route to breaking the record by clocking 7:35.0s with teammate R. Mihun crossing the finish line five seconds later.

With his second record-breaking feat, Gopi, who only started competitive running last year, is thirsty for more medals and has targeted to break the 1500m record tomorrow.

"I'm confident I will be able to clinch the gold and break the 1500m record. I hope to also do well in the coming MSSKL meet," said the lad, who idolises school senior T. Kannadasan.

The 400m boys Class 1 event stole the limelight as all three podium finishers broke last year's record.

Low Kien Teck blazed the track with an amazing 51.6s followed by MBSS' K. Kumaran and Goh Jing Jing of Taman Bukit Maluri.


"It was nice to break the record. I hope to break the 400m hurdles record too but I am sure Jing Jing will put up a tough fight," said the Chung Hwa (P) Sixth Former.

The day was otherwise slow moving with a handful of records being broken.


Kepong Baru's Lee Chee Cheat made his way to another record in the Class 2 triple jump event.

The former State basketball player hopes to make waves in the coming MSSKL meet.

"He is a talented athlete. With more intense training I am sure Chee Cheat will go far," said Kepong Baru teacher Chai Tin Cheow.



ANOTHER GOLD: Gopi also won gold for MBSS in the 2000m steeplechase



GOLDEN LEAP: T. Kannadasan took the 3000m steeplechase gold in style for MBSS

Pic: *KHAIRUL GHAZALI*

RESULTS

BOYS

CLASS 1

10 km walk: 1 P. Mohan (MBSS) 1:03.03s; 2 S. Suresh (MBSS) 1:03.04s; 3 K. Kanthan (MBSS) 1:06.27s.

110m hurdles: 1 Amir Aizat (MBSS) 18.2s; 2 Chan Chee Yung (KB) 19.0s; 3 Soon Chee Haur (C Hwa P) 19.1s.

Long jump: 1 Cheng Kang Yee (Manjalara) 5.99m (new rec); 2 Mohd Hafiz Amir (Bt 5) 5.66m; 3 M. Shaffrezal (R. Abd) 5.61m.

400m: 1 Low Kien Teck (C Hwa P) 51.6s (new rec); 2 K. Kumaran (MBSS) 52.6s (new rec); 3 Goh Jing Jing (TBM) 53.4s (new rec).

3000m steeplechase: 1 T. Kannadasan (MBSS) 11:47.0s; 2 Hamrul Shah (R.Abd) 12:38.9s; 3 Kumar (Jinjang KL) 12:47.2s.

CLASS 2

Discus: 1 Chong Yew Zhoo (R.Ali) 9.73m (new rec); 2 Chan Weng Kin (C Hwa) 9.34m (new rec); 3 Muhd Harif (LS) 9.33m.

Triple jump: 1 Lee Chee Cheat (KB) 11.86m (new rec); 2 Yap Kim Tee (MBSS) 11.56m; 3 Lam Mun Chee (KB) 11.24m.

110m hurdles: 1 Chia Cheok Wai (C Hwa P) 19.5s (new rec); 2 Lai Yong Hui (C Hwa P) 19.8s; 3 Mohd Sufian (Bt 5) 19.9s.

400m: 1 Low Shee Hooi (C Hwa P) 60.6s; 2 Prabakaran (KB) 61.2s; 3 S. Karthik (LS) 62.8s.

2000m steeplechase: 1 B. Gopi (MBSS) 7:35.0s (new rec); 2 R. Mihun (MBSS) 7:40.8s; 3 M. Hisyam Dollah (R.Abd) 9:49.3s.

CLASS 3

Shot putt: 1 Mohd Fizrul (Sentul 2) 8.15m; 2 Kamil Osman (Sentul 1) 8.10m; 3 Kamarunizam (Jln Bt) 8.10m.

High jump: 1 Muhammad Naim (Delima) 1.36m; 2 Mohd Najib Rosli (Sri Perak) 1.32m; 3 Tham Chia Meng (Jinjang S) 1.28m.

GIRLS

CLASS 1

100m hurdles: 1 Cheng Choi Wai (C Hwa P) 20.2s; 2 Lee She Anne (C Hwa P) 20.3s; 3 Wong Sin Wei (KB) 20.4s.

3000m: 1 Jayanthi Mala (R.Ali) 13.38.2s (new rec); 2 Lim Jing Sian (C Hwa P) 14.18.0s; 3 Lee Wee Khim (C Hwa P) 14.33.9s.

400m: 1 Thoo Lit Teng (C Hwa P) 74.0s; 2 Chan Chien Ying (C Hwa P) 75.4s; 3 Vijalecthumi (Bt 5) 77.1s.

Long jump: 1 Cheng Choi Wai (C Hwa P) 4.14m; 2 Norhafizah Mohd Bashir (Convent) 4.13m; 3 Azlina Thazali (BBS) 4.06m.

CLASS 2

100m hurdles: 1 Goh Hui Loon (R.Ali) 18.9s (new rec); 2 Wan Noor Ashikin (Jln Ipoh) 20.1s; 3 Yap Lu Ying (KB) 20.4s.


400m: 1 Lim Xin Yi (KB) 68.6s (new rec); 2 Yap Wee Hui (C Hwa P) 69.6s; 3 Latha (KB) 74.7s.


CLASS 3

High jump: 1 Farah Izrathy (Delima) 1.17m; 2 Norfatihah (Sentul 1) 1.17m; 3 K. Rogini (Convent 2) 1.17m.

SasteRawan Muda

- melayu
- inggeris
- tamil
- cina





Keabadian Cinta

Ditulis Oleh:
Irwan Syah [e_one ^ star]
Safuan [Ca_punx]

Air mata mula bercucuran apabila aku terkenang akan wajah Syah. Walaupun dia sudah meninggalkan aku beberapa tahun yang lalu, namun kerinduan terhadapnya tidak pernah pudar. Hatiku berasa pilu setiap kali aku menatap gambarnya. Matanya seolah – olah dapat membaca fikiranku dan sedang bertanya kepada aku, "Rehan, kenapakah kamu menangis?". Aku berasa amat selesa dan bahagia apabila aku berada disampingnya. Apa yang telah berlaku merupakan satu tamparan yang amat kuat kepada hatiku yang sayu dan sedih. Apakah dayaku... aku tidak dapat melawan kehendak Tuhan Yang Maha Esa. Mungkin segala yang berlaku sudahpun ditakdirkan atau ada hikmah disebaliknya.

Pada ketika itu, aku berumur 18 tahun dan sedang menuntut di Sydney, Australia. Cita – cita aku sejak kecil ingin menjadi doktor yang pakar dalam bidang otak. Keluargaku telah berhijrah ke Australia pada tahun 1996 kerana bapaku hendak membina empayar perniagaannya di situ. Pada mulanya, aku berasa kekok berada di negara orang tetapi lama – kelamaan aku dapat menyesuaikan diri akhirnya.

Pada 8hb Ogos 1995 aku sedang melangkah ke kelas biologi dengan perasaan yang cemas dan takut. Aku takut akan gagal dalam peperiksaanku. Tambahan pula, kemana saja aku pergi, berpuluh – puluh pasang mata sentiasa menjeling ke arahku. Aku selalu berfikir, "mungkinkah kerana aku berpakaian terlalu kolot atau rambut aku terlalu panjang?" Pada pendapat aku, mungkin kerana aku seorang pelajar baru dan mereka masih belum mengenali diriku.

Apabila aku memasuki kelas biologi, seorang pemuda yang kacak dan berbudi bahasa menghampiriku dan bertanyakan khabar. Mula – mula, aku berasa terkejut dan cemas sehingga tidak tahu apa yang hendak dicakapkan. Tetapi senyumannya yang manis dan penuh dengan keikhlasan telah menenangkan hatiku yang berdebar – debar. Oleh sebab Profesor Irwan masih belum hadir, kami berbual – bual seketika. Aku mendapat tahu bahawa dia seorang anak yatim piatu semasa dia berumur 5 tahun. Entah mengapa, aku berasa amat terpikat dengan Syah, walaupun kami hanya baru berkenalan. Aku telah membuat keputusan untuk mengenalinya dengan lebih mendalam lagi.

Apabila profesor masuk ke dewan kuliah, Syah mengajak aku untuk keluar makan malam bersama sebelum dia pulang ke tempat duduknya. Pada malam tersebut, aku memakai baju berwarna biru muda dan seluar 'jeans' kegemaran aku. Rambutku yang panjangnya sampai ke pinggangku diikat dengan sehelai reben yang berwarna biru. Aku tersenyum melihat wajahku yang berseri – seri di dalam cermin mejaku. Sejenak kemudian Syah pun datang menjemput aku. Kami telah pergi ke sebuah restoran Itali yang terkemuka untuk makan malam bersama. Selepas makan malam, Syah membawaku ke pantai untuk bersiar – siar dan melapangkan fikiranku.

Dalam masa dua bulan, Syah dan aku telah menjadi kawan baik. Kami belajar bersama – sama apabila peperiksaan semakin tiba, makan bersama – sama dan menonton wayang pun bersama – sama. Aku berasa gembira apabila Syah berada disisiku. Pada satu malam apabila kami sedang menonton 'Titanic' di apartmentnya, Syah telah meluahkan perasaan cintanya terhadapku. Aku berasa amat terharu dan hampir menangis kerana terlalu gembira. Aku terus memeluknya dan mengaku bahawa aku telah mencintainya pada hari aku berkenalan dengannya. Syah berjanji akan mencintaiku dan tidak akan melukakan hatiku untuk selama – lamanya.

Tragedi itupun berlaku setahun kemudian. Syah dan aku sedang bermain bola tampar dengan beberapa orang kawan di tepi pantai. Tiba – tiba Syah pengsan. Aku berasa amat panik dan takut kerana aku bimbang akan keadaan Syah. Halim rakan karibnya menghantar Syah ke hospital yang berdekatan. Syak dikejarkan ke unit kecemasan dengan serta – merta. Saat demi saat berlalu. Tanpa disedari Syah sudah berada di bilik kecemasan selama lima jam. Aku tidak tertahan lalu menangis.

Halim dan teman wanitanya cuba memujuk aku bahawa Syah hanya pengsan kerana kurang tidur. Pada hakikatnya, aku tahu perkara ini bukan semudah yang disangka. Jika tidak, Syah sudahpun keluar beberapa jam yang lalu. Setengah jam kemudian, Syah diusung keluar oleh beberapa orang jururawat. Doktor yang berpakaian hijau dan memakai cermin mata itu kelihatan letih dan lesu. Aku terus menanyakan keadaan Syah. Dengan suara

nada yang rendah, dia menyuruh kami ke bilik pejabatnya.

Doktor itu menunjukkan gambar x-ray otak Syah kepada kami. Sebuah tumor yang besar kelihatan di otak kiri Syah. Doktor menerangkan bahawa Syah menghidap penyakit 'Gliblastoma Multiforme'. Dalam perkataan lain, barah otak. Beliau juga berkata bahawa Syah hanya boleh hidup selama sebulan dua lagi sahaja. Halim dan aku menangis tak terhenti – henti. Aku tidak menyangka Syah yang berbadan tegap dan sihat boleh menghidap barah. Aku terus berlari ke bilik wad Syah.

Syah tersenyum apabila nampak aku. "Rehan, saya amat gembira kerana kamu sudah datang! Aku rindu padamu." Aku cuba menahan air mataku daripada mengalir keluar. Aku tidak dapat memberitahu hal yang sebenar kepada Syah. Aku tidak dapat membayangkan kesedihan Syah jika dia diberitahu bahawa dia akan mati dam sebulan dua lagi.

"Apakah yang doktor kata?" Syah bertanya.

"Tak ada apa – apa... hanya kurang tidur..." balasku.

"Jangan bohong Rehan. Saya tahu segala – galanya," Syah berbisik.

Wajahnya nampak pucat dan tidak bermaya. Rupa – rupanya Syah sudah mengetahui penyakitnya sejak dahulu lagi, tetapi dia merahsiakan perkara ini kepada kami.

"Kamu sudah tahu penyakit ini sejak dulu?" Tanya aku.

"Ya... saya sudah mengetahuinya semenjak tiga bulan yang lalu tetapi saya tidak mahu kamu bimbang". Syah mula menangis.

Aku mencium dahinya lalu terus memeluknya sehingga keesokan harinya.

Dalam tiga minggu yang berikutan, aku meluangkan masa untuk menemani Syah. Aku membawanya pergi bersiar – siar dan berseronok. Walaupun dia kadang-kala akan berasa pening dan sakit tetapi dia masih kelihatan sihat. Mungkinkah dia akan sembuh? Selepas dua minggu, rambut Syah mula gugur akibat pengambilan ubat dan kimotherapi. Syah semakin kurus dan hilang selera makan. Beberapa hari kemudian, Syah dimasukkan ke dalam hospital lagi kerana pengsan semasa kami sedang menonton wayang. Kadang-kala aku terasa amat sedih tetapi aku berjanji tidak akan menangis dalam kehadiran Syah. Nanti dia risau. Doktor berkata bahawa tumor dalam otaknya semakin membesar dan kami harus membuat persediaan bahawa Syah akan meninggalkan kami bila – bila masa sahaja.

Pada malam 8hb Ogos 1997, aku duduk di sisi katil Syah dan membacakannya sebuah cerita motivasi. Aku memberitahunya untuk terus tabah dan jangan berputus asa. Syah hanya tersenyum dan memegang erat tanganku dengan kuat. Syah berkata kepadaku, "Rehan, jika aku tidak boleh hidup sampai keesokan harinya, tolong pergi ke bilikku, bukalah laciku dengan kunci ini. Segala di dalamnya adalah untukmu. Rehan... saya hanya cintakan kamu. Kaulah menyinari hidupku. Saya akan terus mencintaimu walaupun saya akan mati. Teruskan dengan kehidupanmu, kahwinilah lelaki yang benar – benar mencintaimu dan dapat menjaga kamu seumur hidupmu."

"Tidak... aku tidak mahu... aku mula menangis.

"Aku tidak berguna. Aku telah berjanji akan mengahwinimu tetapi tidak sempat. Maafkan aku,...Rehan..."

Dengan itu, Syah telah meninggalkanku buat selama-lamanya.

Aku pergi ke apartmentnya pada keesokan hari untuk melaksanakan permintaan Syah sebelum dia pergi untuk membuka laci itu. Apabila dibuka laci itu, aku ternampak sebentuk cincin yang terpahat "Syah & Rehan Forever". Aku terus jatuh kelantai lalu terus menangis.

Peristiwa yang pahit itu,
Tidak dapat kulupakan,
Masih terpahat dalam hatiku,
Walaupun bertahun-tahun sudah,

Kerinduan padamu semakin memuncak,
Hari demi hari, saat demi saat,
Walaupun ku tunggu buat selamanya-lamanya,
Aku tahu kau tak akan kembali lagi,

Peristiwa itu masih segar di dalam fikiranku,
Kuteringat wajahmu yang pucat,
Terlantar di atas katil,
Menangis dalam kesakitan,

Kuternampak tanganmu mencapai,
Dalam mimpiku setiap malam,
Tidak dapat melupakan senyumanmu,
Yang Mewarnai kehidupanku.

Sudahkah kau lupa tentang janjimu,
Yang kau menjagaku untuk selama-lamanya,
Tapi kau sudah pergi,
Meniggalkan ku bersendirian,

Ibu / Guru

Pn. Ruzita Othman.
MBS Sentul 2003

KETIKA BERUSIA SETAHUN, IBU BERIKAN SUSU DAN MEMBELAI KITA DENGAN PENUH KASIH SAYANG.....ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN MENANGIS DAN MERAGAM SEPANJANG MALAM

MENJELANG USIA 3 TAHUN, IBU SEDIAKAN MAKANAN DENGAN PENUH RASA MESRA, ...ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN MENUMPAHKANNYA DI ATAS MEJA.

BILA BERUSIA 7 TAHUN, IBU BELIKAN SEBIJI BOLA.....CARA ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN PECAHKAN TINGKAP JIRAN

KETIKA BERUSIA 9 TAHUN, IBU PIMPIN ANAK-ANAK KE SEKOLAH.....ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN PONTENG KELAS DAN PONTENG SEKOLAH.

APABILA BERUSIA 12 TAHUN, IBU INGATKAN ANAK-ANAK SIAPKAN KERJA SEKOLAH....ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH, MAK, KITA TUNGGU EMAK LALAI UNTUK MENONTON TV.

MENJELANG USIA 13 TAHUN, ANAK-ANAK MASUK KE MBS, IBU DENGAN BESAR HARAPAN HANTAR ANAK-ANAK KE SEKOLAH DAN BERPESAN, BELAJAR RAJIN-RAJIN, BELUM SAMPAI IBU DI RUMAH.....ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN IKUT IBU BALIK DAN SINGGAH KE CC DULU.

MENJELANG USIA 15 TAHUN, IBU TERPAKSA MENGIKAT PERUT UNTUK MEMBAYAR YURAN SEKOLAH DAN YURAN PEPERIKSAAN.... ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN GUNAKAN DUIT IBU UNTUK BELI ROKOK DAN BELANJA KAWAN-KAWAN.

APABILA BERUSIA 16 TAHUN, IBU NASIHAT PANDAI-PANDAILAH PILIH KAWAN.....ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN KAWAN TERPILIH SEBAB LEPAK DI LRT WAKTU SEKOLAH.

MENJELANG TINGKATAN 5, EMAK MENANGIS RISAU TENGOK ANAK-ANAK TAK BELAJAR WALAUPUN SPM DAH DEKAT.....ANAK-ANAK LARI DARI RUMAH, MALAS NAK DENGAR LETERAN DAN TANGISAN RISAU IBU.

BILA TIBA HARI SPM, IBU HANTAR DENGAN IRINGAN DOA AGAR ANAK-ANAK BOLEH JAWAB PERIKSA.....ANAK-ANAK UCAPKAN TERIMA KASIH DENGAN TIDUR MASA PERIKSA DAN HANTAR KERTAS KOSONG.

BILA KEPUTUSAN KELUAR, SEKALI LAGI IBU RISAU, BERDOA SIANG MALAM UNTUK ANAK-ANAK LULUS SPM.....ANAK-ANAK UCAP TERIMA KASIH DENGAN TAK DATANG LANGSUNG AMBIL KEPUTUSAN TAKUT SEBAB DAH TAHU GAGAL

SAMPAI BILA ANAK-ANAKKU,
SAMPAI BILA ANAK-ANAK HENDAK MENIPU IBU, MENIPU GURU, LEBIH PAHIT UNTUK DITELAN, MENIPU DIRI SENDIRI

JANGAN SESAL KEMUDIAN, SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA, BILA IBU TELAH TIADA, BILA IBU PERGI MENINGGALKAN ANAK-ANAK,
BAGAIMANA CARANYA ANAK-ANAK HENDAK MEMBAYAR SEGALA PENGORBANAN, TANGISAN, DERITA DAN SUSAH PAYAH IBU ITU MEMBESARKANMU, ANAK-ANAKKU

KEMBALILAH KE PANGKAL JALAN, ANAK-ANAK SENTIASA ADA RUANG UNTUK MEMBETULKAN DIRI. IBUMU SENTIASA MEMBUKA TANGAN MEMAAFKAN ANAK-ANAKNYA.

BILA BALIK NANTI ANAK-ANAKKU, CARILAH IBUMU, CIUMLAH TANGANNYA, "SAYA SUDAH INSAF, MAK. MAAFKANLAH SAYA."

SEMOGA DIKAU, ANAK-ANAKKU DIRAHMATI TUHAN.

SELAMAT HARI IBU.....

SELAMAT HARI GURU.....

Hentian ini

Ruqnuddin Al Hamdi
5S3

"Aduhai.....lebat betul hujan petang ni. Basah kuyup la aku nanti," hati kecilku mengeluh. Habis saja bas yang aku naiki mengambil selekoh di simpang itu, aku terus menekan loceng. Sebaik pintu belakang bas dibuka, aku terus meluru ke perhentian bas. Jalan raya pada waktu itu tidaklah begitu penuh dengan kereta. Apa yang aku fikirkan pada waktu itu ialah bagaimana hendak meredah hujan lebat dan jalan yang dinaiki air itu. Kalau diikutkan hati, sudah pasti aku pakai kasut basah ke sekolah esok. Rumahku tidaklah begitu jauh. Aku cuma perlu menyeberang jalan besar yang dinaiki air itu kemudian jalan hanya beberapa meter sahaja. Tapi hujan lebat petang itu membataskan niat aku untuk balik awal ke rumah. Aku mengambil keputusan menunggu sehingga hujan reda kemudian barulah aku pulang.

Aku memerhati sekeliling perhentian bas itu. Aku melihat mereka yang sama-sama berteduh dengan aku di perhentian bas itu. Tiba-tiba datang seorang lelaki yang aku kira baru mencecah 30-an usianya duduk bersebelahan orang tua di hadapan aku. Dia menghulurkan kotak rokok yang tidak pernah aku lihat jenamanya kepada orang tua itu. Orang tua itu menolak sambil tersenyum. "Rokok ni penting", lelaki berbaju merah yang sudah pudar warnanya itu mula bersuara. "Kalau orang nak mula bercakap, dia mesti hulurkan rokok dulu. Sama ada orang nak hisap atau tak itu perkara lain, yang penting kita hulur saja," lelaki itu meneruskan bicaranya. Sambil menyalakan api rokok lelaki itu meneruskan kata-katanya,"Kalau tiada rokok, ramai yang tidak boleh hidup, ramai yang mati akal. Susah orang nak cari ilham tanpa rokok. Walaupun orang kata rokok ni merbahaya, ramai juga yang hisap rokok. Budak sekolah pun dah pandai hisap rokok, malah gayanya lagi hebat dari orang dewasa. Jadi tak guna kerajaan nak tulis amaran pada kotak rokok ni, buat kempen macam mana sekalipun orang hisap rokok juga".

Lelaki itu terus mengagung-agungkan rokok sambil melepaskan asap berkepul-kepul dari mulutnya. Orang tua tadi hanya mendengar sahaja celoteh lelaki itu sambil mengangguk-anggukkan kepalanya. "Saya hisap rokok daun saja," orang tua itu akhirnya bersuara. Aku rasa tak perlu aku menumpukan perhatian kepada percakapan mereka. Nyata sekali lelaki yang merokok itu begitu singkat pemikirannya.

Satu saja yang paling aku tidak setuju dengan percakapannya iaitu tanpa rokok ramai yang mati akal. Bagi aku, merokok hanya merosakkan dan membunuh sel-sel otak. Kalau otak dah tiada sel, bukan setakat mati akal, mati terus. Lihat sajalah bagaimana golongan remaja yang merokok. Dalam soal pelajaran langsung tidak cemerlang. Tindakan pun macam orang yang tiada otak. Serba-serbi tidak kena dengan golongan yang merokok ni. Bagi yang memang tak boleh putus hisap rokok, aku lihat bibir mereka berwarna kehitaman. Begitu juga dengan gusi. Badan pula berbau semacam. Serupa betul dengan lelaki tadi yang begitu minat bercerita tentang rokok. Entah apalah yang hendak dibanggakan sangat. Pelik aku.

Setahu aku, golongan yang menghisap rokok biasanya golongan yang rendah mentalitinya. Mereka ini cuma meniru gaya hidup masyarakat primitif seperti Red Indian. Asap digunakan oleh orang Red Indian sebagai cara mereka berkomunikasi atau untuk upacara pemujaan. Asap daripada rokok adalah satu alternatif daripada cara kehidupan golongan ini. Kalau orang zaman sekarang hisap rokok, bermakna mereka juga serupa dengan masyarakat primitif.

Christopher Colombus yang diagungkan kerana menjumpai Amerika adalah orang yang bertanggungjawab menyebarkan tabiat merokok. Kalau dia tidak aplikasikan cara hidup orang Red Indian yang dia temui, pasti ramai yang tidak menderita bermacam-macam penyakit akibat menghisap rokok. Ternyata rokok hanya untuk orang yang tidak mampu berfikir secara rasional, bukan untuk golongan manusia yang hidup bertamadun.

Tiba-tiba aku rasa sejuk di bahagian tengkuk. Aku tersentak. Jauh sudah aku merenung hinggakan tidak sedar aku terkena tempias hujan yang masih mencurah-mencurah. Aku beralih sedikit agar tidak basah. Sambil membetulkan duduk, pandanganku tertumpu kepada lelaki baju merah tadi. Dia masih menghangatkan suasana dengan ceritanya. Aku tidak dapat menangkap butir-butir katanya dengan jelas kerana bunyi hujan yang telalu kuat. Aku terlihat kemilau di langit, disusuli bunyi guruh. Tiada tanda hujan akan reda.

"Orang yang menghisap rokok adalah orang yang mementingkan diri sendiri. Mereka tidak memikirkan kesannya kepada orang lain akibat asap yang mereka hembuskan. Mereka bukan sekadar menyusahkan orang di sekeliling malah merosakkan alam semulajadi." Aku teringat sejenak ungkapan itu. Itulah ayat yang terpacul daripada mulut seorang guru aku apabila bercerita tentang rokok. Memang benar apa katanya. Orang yang menghidu asap rokok lebih cenderung untuk mendapat penyakit berbanding orang yang menghisap rokok. Asap yang dibebaskan oleh perokok disedut oleh orang di sekelilingnya. Itulah yang dikatakan tidak bertanggungjawab. Pernah aku terlihat seorang ibu mengandung yang sukar bernafas kerana pemuda di sebelahnya menghisap rokok. Tetapi pemuda itu dengan selamba terus menghembuskan asap berkepul-kepul. Tidak bertimbang rasa langsung! Kalau mahu mati cepat dengan menghisap rokok sekalipun, janganlah heret orang lain sama.

Pernah aku terfikirkan amaran yang diberikan oleh kerajaan di kotak rokok. Amaran seperti 'Merokok membahayakan kesihatan' aku rasa langsung tidak berkesan. Manusia memang suka melakukan sesuatu yang dilarang. Aku rasa ada baiknya amaran berbentuk larangan itu ditukar kepada suruhan. 'Habiskanlah sekotak rokok sehari, anda akan dapat menghabiskan hidup lebih cepat' atau 'Hisaplah rokok sesuka hati, alangkah indahnya menanti hari mati' mungkin ungkapan yang radikal tapi aku rasa itulah kenyataan yang patut diberitahu kepada perokok. Aku rasa aku telah jauh merenung hingga ke tahap yang dikira menyimpang. Ada juga baiknya aku merenung daripada termenung. Banyak beza antara merenung dan termenung. Apa yang pasti, agama aku sendiri menggalakkan umatnya merenung keajaiban bumi ini. Ah, hujan sudah reda, lebih baik aku pulang!

Kenangan 5 Sains 2

Producer : Mohd Firdaus
Director : Mohd Hafiz Hafifi

Hati excited nak buat seloka,
Sampai terlupa hilang idea,
Ha....a'kum dan salam sejahtera,
Sebagai tirai pembuka bicara.

5 Sains 2 maintain sahaja,
Yang gempak cuma budak-budaknya,
Banyak cikgu dah pening kepala,
Mana taknya semuanya keras kepala.

Cik Agartha guru kelas kami,
Satu-satunya cikgu yang tahan dengan kami,
Mengajar B.I best sekali,
Hantar homework setahun sekali.

Monitor kami Hafiz Hafifi namanya,
Peminat Hip Hop bagai nak gila,
Orangnya tinggi putih pula,
Sekali pandang macam anak cina.

Berkenalan pula dengan assistant kami,
Itulah Syahied berkerajaan sendiri,
Muka hensem macam Andy Flop Poppy,
Jaguh main gitar dalam kelas kami.

Fauzi&Syafiq dua sekawan,
Setia bersama tiada yang ketiga,
Fauzi terkenal senyuman menawan,
Si Syafiq ni pulak lain ceritanya.

Lain pulak dengan Si Ridhuan,
Ceti yang setia pada tugasnya,
Setiap hari menadah tangan,
Asyik kutip duit aje kejenya.

Berbaju biru di kelas kami,
Itulah Khairul dan juga Rafizi,
Time makan cepat sekali,
Tapi menjalankan tugas penuh dedikasi.

Ahmad Albab nama gelarannya,
Itulah Suhaimie sehat orangnya,
Orangnya pandai geliga otaknya,
Suka loyar buruk sepanjang masa.

Fairus pulak lain cerita,
Bila berbahas lantang suaranya,
Tak penah buat hal senyap saja,
Berkulit hitam manis orangnya.

Azizi Hafiz cute orangnya,
Orangnya ligat kecil sahaja,
Time Add Math tanyerla dia,
Biler bersilat tak ingat dunia.

Yong Wai Kit dan Siong remaja slumber,
Time belajar sleeping bersama,
Cina aktif 5 Sains 2,
Sekejap ader sekejap tak der.

Ratin Shahlid manis tinggi orangnya,
Biler nyanyi berhentilah dunia,
Kalau suara sedap takper juga,
Setiap kali nyanyi hujan pun ada.

Peminat Underground di kelas kami,
Siapa tak kenal dengan Dzulfazneey,
Bermain hoki otai kelas kami,
Time add math mesti dier lari.

Sahabat baik Saravanan dan Redhuan,
Dalam kelas duduk bersebelahan,
Suara mereka jarang kedengaran,
Bila bergaduh jadi perhatian.

Tiba Firdaus remaja ceria,
Periang orangnya Happy Go Lucky,
Bila speaking tunggang terbalik jawabnya,
Yang perempuannya "He" yang lelakinya "She".

Jaguh Add Math di kelas kami,
Fong dan Swee Kiat nama diberi,
Time belajar serius sekali,
Bekas pengawas di kelas kami.

Berbaju hijau Jaivin dan Yuaraj orangnya,
Asyik belajar tak ingat dunia,
Kerja sekolah tak der hal punyer,
Apa dier orang ni tak penat ker ??

Itulah Lee Soon Kat nama diberi,
Pemain bola keranjang di kelas kami,
Si Yap Soon Yick pula nama diberi,
Kalau tak pakai tie kena marah free.

Manimaran pulak lain ceritanyer,
Tak kacau orang buat hal sendiri,
Pernah bercita-cita nak jadi monitor,
tulah Suntharajan empunya diri.

Shasindren dan Siva duduk di depan,
Dier orang suka bergaya sakan,
Bila ditanya jawab yang bukan-bukan,
Terlalu fanatik dengan Rajanikand.

Habislah sudah segala jenaka,
Curahan kami untuk semua,
Jangan komen baca saja,
Untuk kenangan kami semua.

Tatapan Guru 5 Sains 2

Penerbit : Mohd Firdaus
Penerbit Eksekutif : Hafiz Hafifi

Marilah dengar ini cerita,
Story cikgu kami yang power semua,
Mengajar 5 Sains 2 macam bala menimpa,
Mana taknya semua keras kepala.

Cik Agartha empunya nama,
Mengajar B.I penuh berbahasa,
Guru kelas kami 5 Sains 2
Yang pelajarnya semua tak reti bahasa.

Pn. Jauriah guru Sejarah kami,
Orangnya sporting lagi berdedikasi,
Nasihat memang tak lekang diberi,
Insaf hari ni besok buat lagi.

Orangnya mengajar Pendidikan Jasmani,
Encik Saiful nama diberi,
Tak abes-abes dier punyer hoki,
Ajak main bola jangan harap nak kasi.

Pn. Intan Azira cikgu B.M kami,
Sentiasa busy dengan sidang redaksi,
Suruh buat kerja semua buat tak reti,
Habis exam terhegeh-hegeh mintak markah tinggi.

Lain pula dengan cikgu Add Math kami,
En.Choo Chee Seng nama diberi,
Tak siap keje "piap-piap" dier bagi,
Mengira dy/dx setiap hari.

Pn.Ng berkacamata orangnya,
Mengajar Matematik lantang suaranya,
Dalam kelas masing-masing buat kepala,
Suruh hantar buku semua buat tak tahu saja.

Mengajar Fizik di kelas kami,
Itulah Pn.Ruzita yang selalu happy,
Bila mengajar serius sekali,
Itulah pasal budak 5 S 2 semuanya steady.

Pn.Norkhidah guru Kimia kami,
Kalau dah marah susah nak berhenti,
Tak guna bagi nasihat kat bebudak ni,
Sabarlah cikgu tabahkanlah hati.

Ustaz Arif ajar Agama,
Muka berseri berhati mulia,
Ajar bab kahwin semua pasang telinga,
Dah gatal nak berbini mana taknya.

Cik Rogayah guru Akaun kami,
Orangnya manis Happy Go Lucky,
Tak habis-habis cerita tentang Universiti,
Tunggulah kami habis SPM nanti.

Bergurau senda sekali-sekala,
Itulah perangai kami semua,
Sekiranya ada terkasar bahasa,
Rileklah tahun depan dah tak nampak muka.

Selamat Tinggal MBS Sentul

Hasil Nukilan
Hasrul bin Jasmi

Kini, aku akan melangkah,
Melangkah bersama seribu memori,
Namun bagiku, kau tetap dihati,
MBS SENTUL....
Gedung menimba ilmu.

MBS SENTUL,
Dikau lebih banyak memberi daripada menerima,
Dikau gigih melahirkan anak-anak bangsa,
Disinilah tempat tawa dan tangisku,
Disini jugalah aku kenal erti kegagalan dan kejayaan.

MBS SENTUL,
Di tahun baru ini,
Namamu semakin memuncak,
Dikau telah berbakti kepada,
Ibu pertiwi dengan melahirkan,
Putera-putera yang berwawasan.

MBS SENTUL,
Dikau satu-satunya sekolah bagiku walaupun,
Aku telah pergi jauh sekalipun,
Percayalah,
Aku akan kembali,
Kembali untuk memberitahumu,
Bahawa aku adalah salah seorang,
Warga MBS,
Yang telah berjaya,
"PERCAYALAH"
"SELAMAT TINGGAL MBS SENTUL"

Selamat Tinggal MBS

Disediakan Oleh
Azizi Hafiz (5 sains 2)

Kujejaki daerah ini,
Yang penuh dengan sandiwara,
Ku atur langkah,
Menuju ke SMK M.B.S SENTUL,
Entah berapa usiamu,
Masih gagah,
Melahirkan remaja berketerampilan,
Punyai wawasan.....

Disini ku tahu,
Erti kehidupan hakiki,
Dalam arus kehidupan menuntut ilmu,
Disini baru aku kenali,
Pengorbanan kalian,
Menginsafi diriku.....

Dalam perpisahan ini, ada sendu,
Ada madu, ada senyum, ada tangis,
Dan aku kenal akan tangisanku,
Dan terpaksa aku tinggalkan,
Selamat tinggal **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (L) METHODIST SENTUL**



Realiti Kehidupan

Disediakan Oleh
Mohd Adi izwan
(5 Bakti 1)

Tika sendirian....
Aku melayani fikiran,
Berfikir apa-apa entah,

Dalam kekusyukan berfikir itu....
Ada juga aku fikirkan,
Akan kehidupan,
Yang akan datang.

Bila aku fikir semula,
Pada masa yang akan datang,,
Bagaimanakah aku tika itu,
Sedangkan aku sedar,
Tika aku ini masih lagi,
Seperti dulu....

Kehidupan ini adakalanya ceria,
Ada kalanya murung,
Ada kalanya susah,
Ada kalanya senang.

Bila aku fikir terlalu banyak,
Maka makin banyak masalah yang timbul,
Bila itu aku sedar,
Lebih baik tidak terlalu memikirkanya....

Dan bila aku akui,
Selagi kita hidup,
Hadapilah kenyataan ini,
Dengan penuh kesabaran dan keimanan.

Guru

Disediakan Oleh
NORHALIM BIN KENJOL
(5 Bakti 2)

Guru,
Didikanmu tiada ternilai,
Doronganmu menjadi pedoman hidupku,
Menjadikanku seorang yang berguna,
Kaulah segala-galanya.

Guru,
Kadang-kadang kau bagaikan singa,
Adakala kau bagaikan bidadari,
Namun ku tahu niat baik mu,
Mencurahkan ilmu padaku tanpa jemu.

Guru,
Pada saat aku berada pada kegelapan,
Kau selalu menyinariku,
Menatangku dengan penuh kesabaran,
Kaulah pelita hatiku.

Guru,
Ajaranmu akan selalu dalam sanubariku,
Kau mencurahkan segala ilmu,
Tanpa mengenal erti jemu,
Kaulah pahlawan tanpa tanda jasa.

Sandiwara kehidupan

Ahmad Iqbal Mohd Sakri
5 bakti 1

Dunia ibarat pentas lakonan,
Manusia adalah pelakonnya
Pelbagai ragam kehidupan manusia
Yang ada di dunia ini,
Tanpa mengira bangsa, agamam
Kedudukan, pangkat dan harta,
Semuanya sama sahaja,
Hidup ini penuh dengan suka dan duka,
Pelbagai dugaan dan cabaran yang perlu dilalui,
Kesilapan yang dilakukan,
Dijadikan pengajaran,
Pengajaran yang diperolehi,
Dijadikan pengalaman hidup,
Pengalaman menjadikan seseorang itu matang,
Dalam mengharungi kehidupan.

Ibu

Disediakan oleh.
NEVAASHAN
(2 MURNI 2)

Ibu
Keranamu aku hadir ke dunia,
Kau tidak mengenal penat dan lelah,
Besarnya pengorbananmu untuk anak-anakmu,
Tidak terbalas olehku semuanya itu.

Ibu...
Kau umpama bulan yang mengambang,
Menerangi malam yang gelap...,
Menyinari hatiku yang kecil ini,
Yang dulu suram tanpa cahayamu.

Ibu...
Bilaku dalam ketakutan,
Kau memeluk aku sekuat hati,
Semasa aku dalam kesusahan,
Kau memberi pertolongan seikhlas hati...

Ibu...
Engkaulah orang yang pertama yang kukenali,
Setitis air susumu tak ternilai harganya,
Jasamu kukenang ke akhir hayatku,
Maaf kupinta jika tersilap sengaja atau
sebaliknya...

Bila aku.....

Ruqruddin Al Hamdi
5S3

Bila aku nyalakan amarahku,
Baru mereka terjaga,
Tiada lagi yang kaku,
Hakikatnya aku cuma bersahaja

Bila aku terjelopok,
Yang lain mula menepuk,
Hanya satu datang membentuk,
Ketika aku tercatuk

Bila aku mendapat gading,
Empunya tanduk menjeling,
Muncullah anasir si tukang gunting,
Realitinya aku tahu siapa pegguling

Bila aku terjaga,
Hati bagaikan menyinga,
Walau aku tahu siapa naga,
Aku teruskan langkahku juga

Kawan

Dilsediakan Oleh
Mohd Ridhuan Hashim
(5 sains 2)

Ada orang,
Nampak macam kawan,
Ikhlas hanya di depan,
Di belakang dia tikam kawan.

Ada orang,
Nampak macam teman,
Tidur sebantal makan sepinggan,
Tapi dialah gunting dalam lipatan.

Ada orang,
Nampak macam rakan,
Gelak ketawa gembira sakan,
Dalam diam dia sapu hak kawan.

Kawan,
Ada yang kau layan,
Sikit punya hal dah nak berlawan.

Teman,
Kenapa jadi begini,
Dulu dah best,
Sekarang tercari-cari.

Rakan,
Hindarkan fikiran semat ini,
Tujulah kearah globalisasi,
Semoga kita bertemu kembali,
Meskipun bukan di daerah sendiri.

Keliru

Yang Keliru.
Mohd Syahied Bin
Mohd Saufee
(5 SAINS 2)

Keliru aku,
Kadangkala asyik dengan kitab,
Kadangkala sibuk dengan dunia,
Kadangkala duduk menaakul.

Keliru bersama ayah bonda,
Yang amat penyayang,
Yang amat peka ,
Tapi aku?,
Bisa membiarkannya.

Keliru memandang masyarakat,
Yang penuh dengan keegoan,
Tapi pandai bermain lidah,
Yang menghulur simpati,
Tapi ada hasrat,
Yang berani menegakkan keadilan,
Tapi penakut seperti tikus mondok,
Entahlah.....

Keliru ku mendengar dunia,
Sibuk dengan perjanjian damai,
Tapi peluru masih membunuh,
Fenomena Elnino makin resah,
Tapi kerosakan masih berleluasa,
Pemimpin cerdik pandai katanya,
Tapi rusuhan tetap berlaku juga,
Keliru??,
Dunia buatku keliru,
Entah apa lagi perlu dikeliru,
Sampai bila??
Aku pun tak tahu.....



Kerana Dadah

Disediakan Oleh
Mohd Khalil (4 bakti)

Kerana dadah manusia hilang pertimbangan,
Secubit ia bisa merosakkan,
Kerana dadah kita bisa bersengketa,
Mengapa dadah dipanggil teman?

Dadah bukan penghilang sengketa,
Tetapi ia menambah derita,
Janganlah dadah dijadikan teman,
Kelak, kita dijalankan kegelapan.

Kerana dadah zuriat tercemar,
Hilang pemimpin, dunia bersengketa,
Muncul tuan tauke dadah,
Kelak anak bangsa digelar sampah.

Tolok adalah ajaran agama,
Janganlah hampakan orang tua,
Fikirlah betapa mereka melihat kita,
Mencipta derita.



5 Years A Perfect Number

Created by
Mohd Syahied bin Saufe

A little young lad I was
Came to MBS and got lost
Made many happy, made many cross
Just read on, this poem ain't dross

Five years came and oh, five years went
Just lifting those books, it made you pant
Don't try 'spotting' and 'catching' the scent
Just work until you're all spent

Results came out at last it seemed
Some struck gold, others never to be seen
Just wondering what it could have been
If studying was part of those bright teens

To the 'great' level I willingly went
Now I know how work can give you cramps
Is this life? Homework isn't heaven sent
I chose this path, to turn back I can't

Time will only tell how sound my plan is
Getting straight A's is perpetual bliss
But what if it's all red, a total miss?
My ticket to doom would I kiss?

The saying 'plan your work, work your plan,
Or 'watch your dream turn to sand'
Though we may falter, we are dismayed
Pick yourself up, steady and stand

To end now I must, for the night draws near
But some last words I must utter without fear
From me a Methodist and another, a peer
This last verse says it all, says it clear

Rise boys and loudly proclaim
That ye will strive with might and brain
Though challenges come, let not your spirits again
Ora et labora, live up to your name.....

Because of you Malaysia

Created by
Vincent Paul Jr
5 science 1

Because of you...Malaysia...we live in peace...

Because of you...Malaysia...we're kept at ease...

Because of you...Malaysia...we are free...

Because of you...Malaysia...the evil has fled...

Because of you...Malaysia...we are united...

Because of you...Malaysia...we are devoted...

Because of you...Malaysia...our dignity remains...

Because of you...Malaysia...our unity prevails...

Because of you...Malaysia...we are also glorified...

Because of you...Malaysia...we are here...

Because of you...Malaysia...we have no fear...

Because of you...Malaysia...all our dreams have come true...

Everything here is just because of you...

Because of you...Malaysia...we are alive...

Because of you...Malaysia...we will survive...

Ooo...Malaysia...My beloved mother-land,

Nothing is as great as you...

Ooo...Malaysia...my beloved mother-land,

Nothing is as pure as you...

Ooo...Malaysia...we are here for you...

Ooo...Malaysia... I love you!...

Thank you... Malaysia!!!!!

DEVDAS - The Saga Of Eternal Love

Vincent Paul JR
4 Science 1 (2003)

Devdas is the story of a love beyond all else.....even life. The saga of a man called Devdas who loved, loved and just loved....

Devdas shared a magnetic childhood with his lovely playmate Paro, when supreme love was felt before it was even understood. When youth beckoned, the love intensified. But, alas, a fateful moment of weakness on the part of Devdas created a permanent wall of separation between him and his beloved Paro. On one side of the wall was a heartbroken Paro who became the wife of a rich Zamindar (Royal Duke). And on the other, was a completely shattered Devdas.

Unable to bear the agony of a life without Paro, Devdas made alcohol his constant companion. But that could not make him erase the piercing pain. Even the unflinching devotion of a beautiful courtesan Chandramukhee, the enchantress, did not ease the heartache of losing Paro. It was only when his eyes closed to a permanent sleep, did the pain begin to fade.

Before losing the light of life, all Devdas wanted, was to see his Paro just once...Thus giving his love the greatest dignity... It was at Paro's doorstep, that the doors of heaven opened for Devdas. Getting to know that her beloved lay at her doorstep, Paro runs out to him but her determined husband orders the gateway to be closed. Paro cries out in tears "Deva...Deva...Deva" and dies at her doorstep, while her beloved Devdas dies at the other end.

Devdas left behind a testimony of true love, that was pure, chaste, undemanding... and thus immortal. Indeed, love was his life...love makes him live on... Devdas the saga of eternal love still lives on today in the hearts of everyone, reminding that love goes on even after death itself.

My Dream Car

Nevaashan (2 Murni 2)

Everybody has a dream of their own. It is the same with me. I also have a dream car. It is called the 'MC LAREN'. I admire this car the most, for it has many specialities.

MC LAREN is a British made car. This car is inspired by the Formula One cars. That is why it is also known as the MC LAREN F1. This car is hand-made. Tools are used manually, unlike with other cars which are made by robotic machinery.

The MC LAREN body is made of fibre as it is light weight. It only weighs 2509 lbs. This is why it moves very fast. It is empowered with a BMW 48 valve V12 engine. The engine is made of gold. Gold is used because it is a low conductor of heat. This powerful engine can produce 7500 horse power and 6064 c.c. It uses a 6-speed transmission gear.

Besides its powerful engine, it also has very good performance. Its top speed is 231 mph or 385 kph. The MC LAREN car can accelerate from 0 to 60 mph in just 3.2 seconds.

What I admire most about this car is it has broken many records. It has won numerous races. It is also the world's fastest and most expensive car. The MC LAREN will cost you about 3 million British pounds.



A Better Man Than He

Hasrul Jasni
5 Bakti 1

One night in darkness
Silent...
People sleeping
But not I
Sitting on a chair
Facing the windows
Looking into the darkness of night

My mind trailed away
Remembering the best of time
The beautiful memories
Of the Best Man
I had ever known
Grooming me into a better man
Better than he

He was a strict man
But knew when to laugh
His face was stern
But he knew when to smile
He taught me about responsibility
To handle any situation
Better than he

But, it is only a memory
I am lonely
Without him beside me
His face still fresh in my mind
My dad is gone, but still with me.

Alone At The End

Created by
Rashid bin Zaini
5 Bakti 1

We meet, we gather
It's a world of friends
Tomorrow we separate
Alone at the end

Once in a while a letter comes
From a new friend,
From a new lover
Without an explanation
Without reason
They leave
Love and friendship ends.....

Slowly shadows come and go
Every shadow has a name
Every name you recall

I'm gratefull for these memories
I have grown
I have understoond
I have accepted
I expect to be alone in the end
It is my destiny.....

Life Isn't Always Easy

Created by
Mohd Syahiad bin Saufe

but you must maintain faith
and never let go.
It is especially during the difficult times
that you must live your life
to its fullest potential
Those are the times to triumph
over circumstances
with hope and courage
Life isn't always easy
but if you keep going and persevere
to the very best of your ability
you will gain strength to manage
the new challenges ahead.
Each goal that you reach
is another important step forward.
Believe that there are
bright and wonderful days ahead for you
And you will find them.

தொன்னை வெற்றுக்கே

R. Thirunilakandan
2 Murni 2

1. அன்னையும் தெய்வும் முன்னறி தெய்வம்
விளக்கம் : அம்மாவும் அப்பாவும் நாம் முதலில் தெரிந்து கொண்ட கடவுள் ஆவர்.

2. ஆலயம் தொழுவது சாலவும் நன்று.
விளக்கம் : கோவிலுக்குச் சென்று இறைவனை வணங்குவது மிகவும் நன்மை தரும் ஒரு செயலாகும்.

3. மனிதம் உடைய அக்கத்திற்று அறம்.
விளக்கம் : மனம் தளராமல் உறுதியோடு இருப்பது மனிதனின் தலைச்சிறந்த அடையாளமாகும்.

4. எண்ணும் எழுத்தும் கண்ணென தகும்.
விளக்கம் : எண்ணும் எழுத்தும் நமது இரு கண்களுக்கு ஒப்பான சிறப்புடையவை.

5. நற்றாய் பார்க்கின் நரகம் இல்லை.
விளக்கம் : நமது நற்றாய் தனதையையே பெரிதாகப் பேசினால் (நடந்து) உறவினர்கள் யாரும் இருக்க மாட்டார்கள்.

6. தானும் மானும் வேறென செய்யும்.
விளக்கம் : இவ் எண்ணமும் பொறாமை தனமும் நமது தன்மதிப்பையே கெடுத்திடும் எனவே, அவற்றை தவிர்க்க வேண்டும்.

7. தினை கடல் அளவும் திருவிலம் தேடு.
விளக்கம் : கடல் கடந்து அயல் நாடுகளுக்குச் சென்றாவது செல்வம் சேர்க்க வேண்டும்.

8. நுண்ணிய கருமத்தும் எண்ணித் துணி.
விளக்கம் : எளிய செயலாயினும் நன்று யோசித்து பிறகு அச்செயலைச் செய்ய வேண்டும்.

தொலைக்காட்சி பார்ப்பதனால் ஏற்படும் நன்மைகளும் தீமைகளும்.

R. Balakrishnan
2 Murini 2

தொலைக்காட்சி பார்ப்பதனால் ஏற்படும் நன்மைகளும் தீமைகளும் பற்றி உங்களுக்குத் தெரியுமா? முதன் முதலில் நாம் தொலைக்காட்சிப் பார்ப்பதனால் உள்நாட்டு வெளிநாட்டு விடயங்களை அறிந்துக் கொள்ளலாம். உதாரணத்திற்கு செய்திகளின் மூலம் உள்நாட்டிலும் வெளிநாட்டிலும் என்ன நிகழ்கின்றன என்பதைத் தெரிந்துக் கொள்ளலாம். இதன் மூலம் நாம் கிணற்றுத் தவளையாக இருக்கத் தேவையில்லை.

அதோடு நாம் விளம்பரத்தை பார்ப்பதின் மூலம் நம்முடைய அறிவுத்திறனை வளர்த்துக் கொள்ளலாம். அதோடு தொலைக்காட்சிப் பார்ப்பது பெரும்பாலும் சிறுவர்களுக்கையே ஏற்படுத்து போக்காகிறது. சிறுவர்கள் மிகவும் விரும்பி பார்க்கப்படும் நிகழ்ச்சிகள் எனில் "கார்டூன்களும்", நகைச்சித்திரங்களும் ஆகும். தொலைக்காட்சியின் மூலம் தெரிவரப்படும் தூரத்தகவல், செய்திகள் மூலம் நாம் நம்முடைய மொழி வளத்தை பெருக்கிக் கொள்ளலாம்.

தீமைகளோ, நாம் அதிக நேரம் தொலைக்காட்சியை அருகில் இருந்துப் பார்ப்பதால் நம்முடைய கண்கள் கெடும். நம்முடைய சில இளைஞர்கள் ஆபாசமான, அடாவடித்தனமான படங்களைப் பார்க்க விரும்பினர்கள். இதன் மூலம் இவர்களும் இதைப் போன்ற அடாவடித்தனமான தீயபழக்கத்தைப் பின்பற்றுகின்றனர்.

அதைவிட "இளைய மாணவர்கள் நாளைய தலைவர்கள்" எனும் நம்முடைய முன்னோர்களின் கூற்றை, இன்றைய வரும் தலைமுறையினர் தகர்த்தெறிகின்றனர். இளைய இளைஞர்கள் வெளிநாட்டுக் கலாச்சாரங்களைப் பின்பற்றுகின்றனர். இதன் மூலம் நம்முடைய கலாச்சாரங்கள், பாரம்பரிய ஆடைகளை அணியும் முறையினையும் மாற்றிவிட்டனர்.

தொலைக்காட்சி ஒரு தொழில்நுட்பசாதனம், அதனால் பல நன்மைகளும் தீமைகளும் உள்ளன, ஆனால் மாணவர்களாகிய நாம் இதனை நல்வழியில் பயன்படுத்தி பயன் அடையவேண்டும்.

感激之言

岑伟兴
3M1

老师
您把知识传授于我们,
只为了看见我们成为有学问的人,
只为了看见我们永远成功,
只为了看见我们成为未来的主人翁!

老师,
就算只是区区一根草,
您也能照顾得很好,
变成一堆草,
令它永远都不枯萎!

老师,
您是我们在黑暗中期待着的光芒,
是您指引我们走出黑暗,
是您引导我们走入光芒,
是您带领我们攀过高山,越过海洋!

老师,
当我们有什麼困难,
都是您为我们解难,
您的吩咐,我永远不会忘,
我不想忘,也不能忘!

老师,
您的功劳,
有如一位母亲的功劳!
您的功劳,
比天更高!

谢谢您,老师!
您的付出不会白费的!
我会努力念书,把它成为最好的礼物,送给您,报答您!

十九.夏

谢佳程
5B1

它于一九八四年三月三日冼都美以美男中诞生，至今十九岁了，在这十九个岁月里，它的生活有起有落。它的成员曾经由当年的五十多位增加到一百多位。可是今年只有六十多位。虽如此它末言放弃，反而续继活跃，为发扬中华文化而奋斗，让它的成员们在中学求学阶段有个美好的回忆。

春季百花盛开，在这个季节里它开始计划活动，夏季艳阳高照，它开始进行活动，活跃起来了；秋季，凉风羽，它进行改选，选出新的成员，领导它前进；冬季，完成活动，检讨一年的成败。

它走过了十九个夏天，我有缘与它一起走过了六个夏天，我要感谢它带领我一起活动。我接捧后我才深深体会到这十九个夏天不易走过的。希望在离开你能在接下来的日子里把活动办得更有声有色。

冼都美以美男中华文学会是我的骄傲！

如果时间能倒流

岑伟兴
3M1

古人云『一寸光阴一寸金，寸金难买光阴』，说得一点也没错！时间就像是个难以捉摸的小精灵，一瞬即逝，浪费了时间就等于浪费了生命。今年中三的我，就是一个好例子，渡过了十四年但还是东不成，西不就地，白白浪费了十四年的时间。要是时间能倒流，那多好啊！

已经过了二十四小时，爸爸为何迟迟未归呢？我刚睡醒，看看手表已是隔天早晨了，揉着双眼，期待着爸爸的归来！突然，电话向了.....『请问你是岑金福的家属吗？这里是中央医院，岑先生不幸在一场车祸中，重伤不治，对不起，我们已尽力了！』听完后，我已被吓呆了，泪水就如断了线的珠子般的掉落。妈妈知道后，伤心欲绝地牵着我的手赶到医院看爸爸最后一面。从此之后，我与爸爸便阴阳相隔了。

从小爸爸便尽自己所能，努力赚钱，让我可以受教育，让我有最好的东西。在家中，我便是唯一的『宝贝』了，从小便被爸爸宠坏了。只要我撒娇哭泣，便可以要风得风，要雨得雨。爸爸常督促我一定要脚踏实地努力读书，他的金玉良言，我从不忘记。

虽然爸爸已逝世多年，但我仍然记得他，惦念他。他是我的好爸爸。倘若时间真的能倒流，我会用行动来报答爸爸，不会撒娇，不会再多多要求....

倘若时间能倒流，我会祈祷，让爸爸平安回家，一家人幸福，快乐地一起生活。我很惦念以往的日子，但那些日子只能成为美丽的回忆。多麽盼望，时间能倒流，让我回到过去和爸妈好好生活。

希望....希望....希望，时间真的能倒流吗？人生短短几十年，我只能叹息和责怪我当初为何没好好珍惜和爸爸一起的时光。希望大家珍惜周围关心我们的人，不要等到失去了才后悔！

一般人所追来幸福之途径

冯健昇
5 S 2

蜂

为人怡似采花蜂，清早出门晚归工；
采得百花成蜜后，主人搜去一窝空。

筷

为君挟菜上下忙，送入他人口舌中；
酸甜苦辣一生泡，何滋何味不知查

意思：人类在人生中就像蜜蜂和筷子，为了找三餐，日出而作，日入而息，找到了很多钱之后，也是要抛下所有的金钱，一无所有。为什麼呢？因为人一死，无法带走任何一件东西。那麼人生何有意义呢，来时空空，去亦空空。以上的意思是指那些不知足的人。知足的会时常快乐。

爸爸，对不起！

岑伟兴
3 M 1


今天是二零零三年的父亲节，虽然没有您的陪伴，但眼看着街道上牵着手一同行走的父子，那麼幸福，自己也感到格外幸福，快乐。
所谓『树欲静而风不止，子欲养而亲不在』，我幼小时想，孝顺您，却不知该如何孝顺。所谓『好花不常开，好景不常在』，直到八年前的那场『听者伤心，闻者流泪』的车祸，令我们父子从此阴阳相隔，想要孝顺您，也没有机会了！大概，这就是『三国演义』所提到的『分久必合，合久必分』的含义吧！


